



KEMENTERIAN KEWANGAN

# TINJAUAN FISKAL DAN ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FISCAL OUTLOOK AND FEDERAL GOVERNMENT REVENUE ESTIMATES*



M E R E A L I S A S I   E K O N O M I   M A D A N I





**Kertas Perintah CMD.10 Tahun 2025  
MALAYSIA**

---

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

---

**TINJAUAN FISKAL DAN  
ANGGARAN HASIL KERAJAAN  
PERSEKUTUAN 2026**

**KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**

#### Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Ara 9, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 Putrajaya


Faks : 03-88823881  
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2026 diterbitkan pada 10 Oktober 2025.

Data dan analisis yang terkandung dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2026 disediakan oleh kakitangan Kementerian Kewangan. Usaha telah diambil untuk memastikan garis masa dipatuhi serta ketepatan dan keterangkuman maklumat semasa penyediaan dokumen ini. Sekiranya terdapat ralat, pindaan akan dibuat dalam edisi digital seperti di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:  
[www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)



## PRAKATA

Tatkala dunia dibadai dengan pelbagai keberantakan dewasa ini, Malaysia terus mengorak langkah pertumbuhan secara stabil dan berdaya tahan. Pada separuh pertama tahun ini, ekonomi negara berkembang sebanyak 4.4%, meletakkan kita antara negara berprestasi hebat di kalangan negara tetangga. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, disokong oleh aliran pelaburan yang berterusan, pertumbuhan gaji mekar serta pasaran buruh yang stabil.

Kerajaan mengunjurkan ekonomi negara berkembang antara 4% hingga 4.8% pada tahun 2025, sebelum menyederhana dalam lingkungan 4% hingga 4.5% pada 2026. Kendatipun konflik serantau dan ketidakpastian tarif global terus menggasak kita, asas ekonomi negara kekal kukuh. Ini memberi Malaysia ruang untuk menghadapi kejutan ekonomi dunia dengan lebih yakin. Institusi kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia turut senada dengan keyakinan ini, dibuktikan dengan pengelasan unjuran positif terhadap Malaysia meskipun prospek ekonomi global menyuram.

Lonjakan 11 anak tangga Malaysia dalam IMD World Competitiveness Ranking 2025 merupakan pencapaian tertinggi dalam kalangan semua negara. Ia jelas menggambarkan keutuhan asas ekonomi kita. Malaysia kini menduduki tempat ke-23, yakni kedudukan terbaik sejak tahun 2020.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia telah berjaya memecah kebuntuan beberapa inisiatif serantau yang lama tergendala, termasuk memuktamadkan perjanjian ASEAN Power Grid. Kita juga menerajui integrasi pembayaran digital rentas sempadan, sekaligus merealisasikan aspirasi jangka panjang yang sekian lama didambakan. Pencapaian ini menyerlahkan kepimpinan Malaysia dalam menjana kestabilan serantau dan kemakmuran bersama antara negara jiran, di samping memperkukuh peranan ASEAN sebagai hab perdagangan dan pelaburan yang cergas serta berdaya saing.

Tantangan global yang semakin merencatkan pertumbuhan bukanlah alasan untuk Kerajaan menggendalakan usaha pembaharuan bagi menjana pertumbuhan terangkum dan bermakna, khususnya dalam memperbetulkan kebobrokan struktural — termasuk kesenjangan pendapatan dan pembangunan wilayah, perubahan iklim, serta penuaan penduduk. Untuk menangani cabaran-cabaran hebat yang mendepani kita ini, kita perlu menggembeleng semua sumber untuk menghidupkan agenda transformasi nasional, termasuk inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

Dengan menyantuni prinsip utama kerangka Ekonomi MADANI, kita berupaya membentuk dasar yang jelas bagi menggerakkan reformasi berlandaskan pendekatan menyeluruh merentasi Kerajaan. Dalam usaha ini, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan memainkan peranan penting dalam melengkapinya pelaburan awam serta memacu pelaksanaan projek nasional yang bersifat strategik. Kesepaduan antara sektor awam dan swasta ini memperkukuh keberkesanan agenda pembangunan negara secara menyeluruh.

Perlu digariskan bahawa perjalanan reformasi struktur Malaysia tidak boleh menyimpang daripada landasan asas fiskal yang kukuh, malah harus dipandu oleh prinsip pengurusan kewangan awam yang berhemat. Defisit fiskal negara telah berkurang dari 5.5% daripada KDNK pada tahun 2022 kepada 4.1% pada tahun 2024. Susulan itu, Kerajaan menasaskan penurunan selanjutnya kepada 3.5% menjelang 2026. Kerajaan kekal tekad dengan aspirasi jangka sederhana untuk mengurangkan defisit kepada 3% atau lebih rendah, seperti termaktub di bawah Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Usaha untuk mengukuh semula kedudukan fiskal negara adalah kian mendesak mutakhir ini, tatkala dunia berdepan kejutan ekonomi yang semakin kerap dan menggugat kestabilan global.

Reformasi fiskal menyeluruh sedang giat dilaksanakan bagi mencapai sasaran pengurangan defisit. Inisiatif yang jelas dan terangkum ini merangkumi peluasan hasil, penyusunan semula keutamaan perbelanjaan, dan pengukuhan tatakelola melalui pemantapan perundangan.

Sebagai usaha untuk meluaskan asas hasil negara, Kerajaan telah memperluas pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta melancarkan e-invois bagi menutup ketirisan dan memperkukuh pematuhan cukai. Pada masa yang sama, Kerajaan kekal tekad untuk mengamalkan perbelanjaan berhemat melalui peralihan kepada pendekatan subsidi bersasar agar pulangan ekonomi dapat diperhebat. Penyasaran subsidi diesel pada tahun 2024, reformasi RON95 pada September 2025, serta penyusunan semula tarif elektrik telah menjana penjimatan berbilion ringgit — tanpa menjejaskan bantuan kepada rakyat terbanyak.

Penjimatan ini telah disalurkan semula untuk memperkukuh pelbagai bentuk bantuan, termasuk peningkatan peruntukan kepada Kerajaan Negeri serta sektor kesihatan dan pendidikan. Bantuan sosial langsung turut diperluas, dengan peruntukan bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) meningkat sebanyak 50 peratus dalam tempoh hanya setahun kepada RM15 bilion, memanfaatkan sehingga 22 juta rakyat Malaysia. Antara program tambahan lain yang ditambah baik untuk meringankan tekanan kos sara hidup termasuk Bantuan Awal Persekolahan, baucar buku MySiswaPlace dan skim PeKA B40.

Akta 850 dan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 yang baharu diluluskan berperanan untuk memperkukuh tatakelola dan ketelusan. Pada masa yang sama, langkah penyatuan badan berkanun digerakkan bagi meningkatkan kebertanggungjawaban dan keberkesanan operasi. Kerajaan yang lebih cekap dan berpegang teguh kepada prinsip akauntabiliti akan membawa manfaat berganda kepada negara — termasuk melalui pengukuhan mudahcara perniagaan serta ketelusan dalam memastikan setiap sen wang awam dibelanjakan secara berhemat. Kerajaan terus gigih memperbaharui keyakinan terhadap institusi negara dan keupayaan kita mengurus ekonomi. Kendatipun kita masih di peringkat awal pelaksanaan reformasi, penarafan kredit negara yang kekal memberangsangkan mencerminkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap prospek jangka panjang Malaysia.

Reformasi ini bukan lagi pilihan, tetapi amanah yang wajib dilaksanakan. Kita tidak boleh sama sekali menanggukkan pemantapan disiplin fiskal, lebih-lebih lagi ketika negara sedang berdepan ketidaktentuan dasar dan tarif perdagangan, ketidakstabilan harga komoditi serta liabiliti luar jangka. Komitmen fiskal Kerajaan berteraskan tiga prinsip utama: pengurusan hutang yang berhemat, iltizam terhadap ketelusan dan akauntabiliti serta pengukuhan asas fiskal negara. Kelestarian jangka panjang adalah tunjang kepada pemeliharaan kedaulatan ekonomi Malaysia.

Namun, Kerajaan tidak mampu menjayakan reformasi ini secara bersendirian. Kejayaannya bergantung kepada iltizam bersama seluruh rakyat. Hatta, saya menyeru setiap warganegara, setiap perniagaan dan setiap penjurong masyarakat sivil untuk berganding bahu membina semula sebuah negara yang lebih kukuh, lebih adil dan lebih makmur. Hanya dengan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, kita mampu mara lebih jauh. Ayuh, kita bina Malaysia yang kekal menjadi mercu harapan dalam dunia yang sedang berubah.




**ANWAR IBRAHIM**  
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA  
10 OKTOBER 2025




# BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2026

## DARI MANA DATANGNYA



## KE MANA DIBELANJAKAN



<sup>1</sup> Terdiri daripada hasil dan pinjaman

<sup>2</sup> Tidak termasuk simpanan luar jangka

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST

LUAS KAWASAN (Kilometer persegi) AREA (Square kilometres)							
Malaysia	Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia	Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan <sup>1</sup> Federal Territory <sup>1</sup>			
330,241	131,786	124,450	73,621	384			
		2024 <sup>6</sup>	2025 <sup>7</sup>	2026 <sup>8</sup>			
<b>PENDUDUK<sup>2</sup> (juta)</b> <b>POPULATION<sup>2</sup> (million)</b>		34.1	34.5	34.9			
PENGELUARAN DALAM NEGERI DOMESTIC PRODUCTION		RM juta RM million	% perubahan change	RM juta RM million	% perubahan change	RM juta RM million	% perubahan change
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)</b> <b>Gross Domestic Product (constant 2015 prices)</b>		1,650,305	5.1	1,724,712	4.0 – 4.8	1,795,752	4.0 – 4.5
Pertanian <i>Agriculture</i>		103,458	3.1	104,725	1.2	107,004	2.2
Perlombongan dan pengkuarian <i>Mining and quarrying</i>		98,432	0.9	99,503	1.1	98,462	-1.0
Pembuatan <i>Manufacturing</i>		382,034	4.2	396,388	3.8	408,280	3.0
Pembinaan <i>Construction</i>		66,580	17.5	73,272	10.1	77,705	6.1
Perkhidmatan <i>Services</i>		980,110	5.3	1,030,007	5.1	1,083,056	5.2
Duti import <i>Import duties</i>		19,692	7.1	20,818	5.7	21,245	2.1
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross Domestic Product (current prices)</b>		1,932,291	5.9	2,015,738	3.8 – 4.6	2,125,757	5.4 – 5.8
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam <i>Final consumption expenditure : Public</i>		231,196	5.9	242,447	4.9	252,002	3.9
Swasta <i>Private</i>		1,174,092	6.5	1,244,055	6.0	1,324,971	6.5
Pembentukan modal tetap kasar: Awam <sup>3</sup> <i>Gross fixed capital formation : Public<sup>3</sup></i>		89,938	12.5	101,529	12.9	109,730	8.1
Swasta <i>Private</i>		307,007	13.4	337,045	9.8	363,674	7.9
Perubahan inventori dan barangan berharga <i>Changes in inventories and valuables</i>		27,268	-	-14,223	-	-22,942	-
Eksport barangan dan perkhidmatan <i>Exports of goods and services</i>		1,378,518	10.0	1,414,973	2.6	1,477,692	4.4
Import barangan dan perkhidmatan <i>Imports of goods and services</i>		1,275,728	9.4	1,310,088	2.7	1,379,371	5.3
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA NATIONAL INCOME AND EXPENDITURE							
<b>Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)</b> <b>Gross National Income (constant 2015 prices)</b>		1,614,675	4.7	1,694,629	5.0	1,762,924	4.0
<b>Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross National Income (current prices)</b>		1,866,181	5.5	1,960,023	5.0	2,064,176	5.3
<b>Tabungan Negara Kasar (harga semasa)</b> <b>Gross National Savings (current prices)</b>		451,929	3.7	458,603	1.5	473,679	3.3
<b>Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)</b> <b>Per Capita Income (current prices, RM)</b>		54,793	3.5	56,851	3.8	59,162	4.1

**MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)**  
**MALAYSIA: KEY DATA AND FORECAST (cont'd)**

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN <i>FEDERAL GOVERNMENT FINANCE</i>	2024		2025 <sup>9</sup>		2026 <sup>10</sup>	
	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>change</i>	RM juta <i>RM million</i>	% perubahan <i>change</i>
Hasil <i>Revenue</i>	324,618	3.1	334,115	2.9	343,124	2.7
Perbelanjaan mengurus <i>Operating expenditure</i>	321,509	3.3	332,150	3.3	338,202	1.8
Baki semasa <i>Current balance</i>	3,109		1,965		4,922	
Perbelanjaan pembangunan (bersih) <i>Development expenditure (net)</i>	82,275	-13.5	78,679	-4.4	79,500	1.0
<b>Baki keseluruhan</b> <b><i>Overall balance</i></b>	<b>-79,166</b>		<b>-76,714</b>		<b>-74,578</b>	
% KDNK <i>% GDP</i>	-4.1		-3.8		-3.5	
Pinjaman dalam negeri (bersih) <i>Domestic borrowings (net)</i>	77,073		82,023		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih) <i>Offshore borrowings (net)</i>	-227		-4,800		-	
Perubahan aset <sup>4</sup> <i>Change in assets<sup>4</sup></i>	2,320		-509		-	
		% KDNK <i>GDP</i>		% KDNK <i>GDP</i>		
<b>Hutang Kerajaan Persekutuan<sup>5</sup></b> <b><i>Federal Government Debt<sup>5</sup></i></b>	<b>1,247,614</b>	<b>64.6</b>	<b>1,304,176</b>	<b>64.7</b>	-	-
<b>Hutang dalam negeri</b> <b><i>Domestic debt</i></b>	<b>1,219,638</b>	<b>63.1</b>	<b>1,281,418</b>	<b>63.6</b>	-	-
Bil Perbendaharaan Malaysia <i>Malaysia Treasury Bills</i>	5,000	0.3	2,000	0.1	-	-
Bil Perbendaharaan Islam Malaysia <i>Malaysia Islamic Treasury Bills</i>	10,000	0.5	5,500	0.3	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Investment Issues</i>	570,800	29.5	614,800	30.5	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia <i>Malaysian Government Securities</i>	633,838	32.8	659,118	32.7	-	-
<b>Pinjaman luar pesisir</b> <b><i>Offshore borrowings</i></b>	<b>27,976</b>	<b>1.5</b>	<b>22,758</b>	<b>1.1</b>	-	-
Pinjaman pasaran <i>Market loans</i>	24,977	1.3	19,804	1.0	-	-
Pinjaman projek <i>Project loans</i>	2,999	0.2	2,954	0.1	-	-

<sup>1</sup> Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

<sup>2</sup> Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

<sup>3</sup> Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

<sup>4</sup> (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

<sup>5</sup> Pada 2025, data adalah sehingga akhir Jun 2025

<sup>6</sup> Awal

<sup>7</sup> Anggaran

<sup>8</sup> Unjuran

<sup>9</sup> Anggaran disemak

<sup>10</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

<sup>1</sup> Includes the Federal Territory of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya

<sup>2</sup> Current Population Estimates based on the 2020 Population and Housing Census of Malaysia

<sup>3</sup> Includes investment of public corporations

<sup>4</sup> (+) indicates drawdown of assets; (-) indicates accumulation of assets

<sup>5</sup> For 2025, data is at end-June 2025

<sup>6</sup> Preliminary

<sup>7</sup> Estimate

<sup>8</sup> Forecast

<sup>9</sup> Revised estimate

<sup>10</sup> Budget estimate, excluding Budget 2026 measures

Note: Total may not add up due to rounding

# KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PRAKATA</b>	iii
<b>BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2026</b>	vi
<b>MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN</b>	vii
<b>AKRONIM DAN SINGKATAN</b>	xi
<b>SEKSYEN 1 PERSPEKTIF KESELURUHAN DASAR FISKAL</b>	
Perspektif Keseluruhan	3
Tindakan Pengimbangan yang Teliti – Pembaharuan Fiskal dan Daya Tahan Ekonomi	4
Kedudukan Fiskal 2025	4
Tinjauan 2026	6
Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2026-2028	6
Kesimpulan	7
<b>SEKSYEN 2 HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	
Perspektif Keseluruhan	11
Hasil 2025	11
Tinjauan 2026	13
Kesimpulan	14
Sisipan - Landskap Percukaian Malaysia: Semakan Semula Kadar Cukai Jualan dan Peluasan Skop Cukai Perkhidmatan	15
<b>SEKSYEN 3 PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	
Perspektif Keseluruhan	23
Perbelanjaan 2025	23
Tinjauan 2026	27
Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan	30
Kesimpulan	30
Sisipan - BUDI MADANI: Mengimbangi Reformasi Fiskal dan Perlindungan Sosial	31
<b>SEKSYEN 4 PENGURUSAN HUTANG</b>	
Perspektif Keseluruhan	41
Pembiayaan	41
Rencana - Melindungi Masa Hadapan: Strategi Pinjaman Kerajaan dalam Memacu Pembangunan Negara	44
Hutang Kerajaan Persekutuan	56
Hutang Luar Malaysia	59
Hutang Sektor Awam	60
Rencana - Analisis Kemampuan Hutang	61
Tinjauan 2026	70
Kesimpulan	70
<b>SEKSYEN 5 RISIKO FISKAL DAN LIABILITI</b>	
Perspektif Keseluruhan	75
Pendedahan Hutang dan Liabiliti	75
Jaminan Kewangan	76
Rencana - Mengurus Risiko: Pengenalan kepada Skim Jaminan Awam	78
Komitmen Jaminan	85
Liabiliti Lain	86
Mitigasi Risiko ke atas Pendedahan Liabiliti	86
Kesimpulan	87
<b>SEKSYEN 6 SEKTOR AWAM DISATUKAN</b>	
Sektor Awam Disatukan	91
Kerajaan Am	91
Kerajaan Negeri	92
Syarikat Awam Bukan Kewangan	93
Kesimpulan	95

**JADUAL**

Jadual 1.1.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan	5
Jadual 1.2.	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)	7
Jadual 2.1.	Hasil Kerajaan Persekutuan	12
Jadual 3.1.	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen	24
Jadual 3.2.	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor	26
Jadual 4.1.	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	42
Jadual 4.2.	Perundangan Hutang	56
Jadual 4.3.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen	57
Jadual 4.4.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	58
Jadual 4.5.	Hutang Luar	59
Jadual 4.6.	Hutang Sektor Awam	60
Jadual 5.1.	Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan	76
Jadual 5.2.	Jaminan Kewangan	76
Jadual 5.3.	Penerima Utama Jaminan di bawah Akta 96	77
Jadual 5.4.	Komitmen Jaminan	85
Jadual 6.1.	Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan	91
Jadual 6.2.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan	92
Jadual 6.3.	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan	93
Jadual 6.4.	Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Bukan Kewangan Disatukan	94

**RAJAH**

Rajah 1.1.	Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 1.2.	Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 1.3.	Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan	8
Rajah 2.1.	Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)	20
Rajah 2.2.	Hasil Kerajaan Persekutuan (% daripada KDNK)	20
Rajah 3.1.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor	37
Rajah 3.2.	Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi	37
Rajah 3.3.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor	37
Rajah 3.4.	Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen	37
Rajah 3.5.	Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor	37
Rajah 3.6.	Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang	37
Rajah 4.1.	Terbitan mengikut Tempoh Matang	71
Rajah 4.2.	Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII	71
Rajah 4.3.	Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS	71
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif MGS	71
Rajah 4.5.	Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan	71
Rajah 4.6.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang	72
Rajah 4.7.	Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin	72
Rajah 4.8.	Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang	72
Rajah 4.9.	Bayaran Khidmat Hutang	72
Rajah 4.10.	Profil Kematangan Hutang	72
Rajah 5.1.	Jaminan Kewangan	88
Rajah 5.2.	Profil Kematangan Jaminan di bawah Akta 96	88
Rajah 5.3.	Jaminan di bawah Akta 96 Mengikut Segmen	88
Rajah 5.4.	Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor	88
Rajah 6.1.	Aset dan Liabiliti Syarikat Awam Bukan Kewangan	94

**STATISTIK KEWANGAN AWAM**

199

**MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2026**

221

## AKRONIM DAN SINGKATAN

ADB	Asian Development Bank	GFSM	Government Finance Statistics Manual
AS	Amerika Syarikat	GLC	syarikat berkaitan kerajaan
B2B	niaga-ke-niaga	GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
B2C	niaga-ke-pengguna	GMT	Cukai Minimum Global
BNM	Bank Negara Malaysia	GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
bps	mata asas	GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
BTC	bidaan kepada terbitan	IHP	Indeks Harga Pengguna
CBU	completely built up	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
CGC	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	IPSAS	Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa
CITA	cukai pendapatan syarikat	JICA	Japan International Cooperation Agency
CKHT	cukai keuntungan harta tanah	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019	Khazanah	Khazanah Nasional Berhad
CPO	minyak sawit mentah	KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
CPS	sektor awam disatukan	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
DE	perbelanjaan pembangunan	LNG	gas asli cecair
DSA	Analisis Kemampuan Hutang	LRT	Transit Aliran Ringan
DSC	bayaran khidmat hutang	LRT3	Transit Aliran Ringan 3
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	LVG	barang bernilai rendah
FAST	Fully Automated System for Issuing/Tendering	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
FDI	pelaburan langsung asing	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
Fed	Rizab Persekutuan AS	MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
FFR	Federal Funds Rate	MRT	Transit Aliran Massa
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia
FIRST	Financial Sector Reform and Strengthening Initiative	MTFF	Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana
GEAR-uP	Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan		
GFC	Krisis Kewangan Global 2008 – 2009		

## AKRONIM DAN SINGKATAN

MTRS	Strategi Hasil Jangka Sederhana	PPP	kerjasama awam swasta
NAPIC	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional	RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030
NIMP	Pelan Induk Perindustrian Baharu	SARA	Sumbangan Asas Rahmah
OE	perbelanjaan mengurus	SABK	syarikat awam bukan kewangan
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi	SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad
OPR	Kadar Dasar Semalaman	SJKP	Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad	SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
PFI	inisiatif pembiayaan swasta	SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
PIKAS 2030	Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030	SToDS	cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital
PITA	cukai pendapatan petroleum	STR	Sumbangan Tunai Rahmah
PKS	perusahaan kecil dan sederhana	UST	Perbendaharaan AS
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana	VAE	value at entry

## SEKSYEN 1

# Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

<b>3</b>	<b>PERSPEKTIF KESELURUHAN</b>
<b>4</b>	<b>TINDAKAN PENGIMBANGAN YANG TELITI – PEMBAHARUAN FISKAL DAN DAYA TAHAN EKONOMI</b>
<b>4</b>	<b>KEDUDUKAN FISKAL 2025</b>
<b>6</b>	<b>TINJAUAN 2026</b>
<b>6</b>	<b>RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA (MTFF) 2026 – 2028</b>
<b>7</b>	<b>KESIMPULAN</b>



## SEKSYEN 1

# Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

## Perspektif Keseluruhan

Landskap ekonomi global diunjur berdasarkan pertumbuhan KDNK yang menyederhana, dengan negara maju dijangka menghadapi kelembapan ekonomi yang lebih ketara berbanding negara sedang membangun. Pergolakan geopolitik yang berlarutan, ketegangan perdagangan terutamanya berkaitan tarif AS dan inflasi yang berterusan akan terus mempengaruhi perkembangan ekonomi. Sehubungan itu, strategi fiskal yang bersesuaian memerlukan tindakan pengimbangan yang teliti dalam mengutamakan sokongan bersasar, daya tahan jangka masa panjang dan membina semula penampakan fiskal ketika ekonomi global berhadapan fasa ketidakpastian. Dalam persekitaran yang kompleks ini, dasar fiskal perlu berkembang melangkaui langkah rangsangan secara meluas dan mengguna pakai pendekatan yang lebih strategik. Pelaksanaan dasar fiskal mengembang sejak beberapa tahun untuk menangani kesan ekonomi yang ketara akibat pandemik menyebabkan kebanyakan negara memberikan tumpuan utama dalam mengawal defisit dan membina semula ruang fiskal. Langkah tersebut penting untuk menyediakan negara bagi menghadapi kejutan masa hadapan dan memastikan kemampuan hutang jangka panjang.

Dari perspektif domestik, Malaysia sedang berusaha untuk menempatkan semula negara ini menjadi antara peneraju ekonomi Asia seperti yang diaspirasikan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Kerajaan memberikan keutamaan untuk menangani cabaran jangka masa panjang termasuk kesenjangan pendapatan, ketidakseimbangan

pembangunan antara wilayah dan kesan perubahan iklim. Di samping itu, isu struktur fiskal yang berpunca daripada asas hasil yang kecil dan beban subsidi yang tinggi serta pelaksanaan rangsangan fiskal yang ketara semasa krisis telah menyebabkan peningkatan paras hutang pascapandemik. Dalam hal ini, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) menggariskan pelan hala tuju strategik dan agenda pembaharuan untuk menangani cabaran tersebut dan menerajui perjalanan pembangunan negara dalam tempoh lima tahun akan datang. Rancangan ini menekankan anjakan struktur dalam dasar dan inisiatif domestik yang meningkatkan potensi pertumbuhan. Kerajaan turut meneruskan pelaburan strategik dalam bidang yang meningkatkan daya tahan jangka masa panjang terutamanya dalam mempelbagaikan perdagangan, mengukuhkan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan awam serta merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

Malaysia sedang melaksanakan pelan konsolidasi fiskal secara berperingkat dengan langkah pembaharuan yang jelas dan berwibawa berpandukan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Langkah peningkatan hasil telah dilaksanakan dan dipergiat secara berperingkat mulai 2024. Keutamaan perbelanjaan telah disusun semula kepada program dan projek berimpak tinggi manakala pemberian subsidi secara pukal telah beralih ke bantuan yang lebih bersasar dan berdasarkan saringan keperluan. Reka bentuk sistem perlindungan keselamatan sosial yang baik penting untuk melindungi keperluan kumpulan yang mudah terjejas daripada kejutan ekonomi dan memastikan pertumbuhan terangkum. Sementara itu, pembaharuan fiskal sedang dilaksanakan untuk

meminimumkan pendedahan risiko termasuk penstrukturan semula skim persaraan daripada manfaat ditentukan (*defined benefit*) kepada caruman ditentukan (*defined contribution*) bagi menangani liabiliti fiskal jangka masa panjang.

## Tindakan Pengimbangan yang Teliti – Pembaharuan Fiskal dan Daya Tahan Ekonomi

Dalam keadaan permintaan luar yang dijangka menyederhana, Belanjawan 2026 sebagai belanjawan pertama di bawah RMK13 akan memberikan tumpuan untuk mengukuhkan ekonomi domestik dan menggalakkan pelaburan swasta. Belanjawan ini mengimbangi antara kepentingan konsolidasi fiskal dalam mengurangkan defisit dan hutang dengan keperluan untuk merangsang pertumbuhan, menambah baik jaringan keselamatan sosial dan melabur dalam sektor yang berupaya memacu transformasi. Selain itu, Belanjawan 2026 membolehkan Malaysia meningkatkan lagi daya tahan dan pertumbuhan inklusif melalui pendirian fiskal yang mengembang di samping kekal berhemat disokong oleh langkah dan pelaburan strategik yang bersasar.

Insentif fiskal juga diberikan untuk menarik pelaburan swasta dari dalam dan luar negara dan disokong oleh usaha mengurangkan birokrasi dan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan. Kerjasama awam swasta dan platform pelaburan bersama akan dimanfaatkan untuk meningkatkan pelaburan domestik dan pembangunan modal insan serta memangkin peralihan hijau dan digital terutamanya melalui pelbagai inisiatif oleh entiti berkaitan kerajaan. Selain itu, Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) memberikan penekanan kepada model berasaskan bayaran oleh pengguna untuk menggalakkan pelaburan modal swasta bagi

pembangunan infrastruktur dengan tumpuan kepada projek pemangkin yang menghasilkan limpahan ekonomi yang luas.

Pengendalian dasar fiskal akan dilaksanakan dalam rangka kerja perundangan kewangan awam yang berlandaskan Akta 850 serta perundangan lain yang berkaitan. Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 yang diluluskan baru-baru ini akan meningkatkan tadbir urus dan ketelusan yang menyokong perbelanjaan awam yang cekap. Di samping itu, analisis kemampuan hutang dijalankan secara berkala dalam rangka kerja fiskal jangka sederhana bagi menilai keupayaan Kerajaan untuk memenuhi obligasi hutang pada masa hadapan. Selain itu, pemantauan jaminan kewangan yang dihadkan pada 25% daripada KDNK di bawah Akta 850 akan dinilai secara berterusan dan teliti bagi memastikan pendedahan risiko fiskal kekal terkawal. Agensi penarafan kredit antarabangsa utama juga telah mengekalkan penarafan berdaulat dan prospek negara dan pengesahan ini mengiktiraf pengurusan makroekonomi dan fiskal Kerajaan yang kukuh. Penguatan kedudukan fiskal akan membolehkan Malaysia menghadapi kejutan luaran di samping memastikan sumber kewangan mencukupi untuk meneruskan agenda pembangunan jangka masa sederhana dan panjang.

## Kedudukan Fiskal 2025

Pertumbuhan ekonomi kekal berdaya tahan dan terus didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, pasaran buruh yang baik serta aktiviti sektor perkhidmatan dan pembuatan yang rancak meskipun berdepan ketidakpastian sektor luaran pada separuh pertama 2025. Kerajaan menyasarkan defisit fiskal yang lebih rendah seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2025 iaitu 3.8% daripada KDNK berbanding 4.1% pada 2024.

Kutipan hasil dianggar berjumlah RM334.1 bilion iaitu meningkat 2.9% berbanding RM324.6 bilion pada 2024. Prestasi hasil cukai akan diperkukuh melalui semakan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) serta pelaksanaan sistem e-Invois secara berperingkat. Di samping itu, hasil bukan cukai dijangka kekal stabil disokong oleh terimaan daripada pendapatan pelaburan. Sementara itu, hasil berkaitan petroleum dijangka sebanyak RM56.6 bilion atau sekitar 17% daripada jumlah hasil berikutan jangkakan harga komoditi yang lebih rendah.

Selaras dengan pendirian fiskal yang lebih berdisiplin, jumlah perbelanjaan telah disemak semula kepada RM412.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.6% berbanding 2024. Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka meningkat sederhana iaitu 3.3% kepada RM332.1 bilion berikutan langkah pengoptimuman perbelanjaan yang meliputi penyusunan semula keutamaan program dan penelitian semula subsidi pukal. Penjimatan daripada pelaksanaan penyiasatan subsidi bahan api disalurkan semula terutamanya melalui bantuan tunai untuk Budi MADANI dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta menambah baik kemudahan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur asas.

Program BUDI MADANI RON95 (BUDI95) diperkenalkan dengan had bulanan 300 liter bagi setiap warganegara yang mempunyai lesen memandu yang sah pada harga subsidi RM1.99 seliter bagi menambah baik agenda penyiasatan semula subsidi. Sementara itu, sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68 dan Hari Malaysia sebanyak RM2 bilion diperuntukkan untuk Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 secara *one-off*. Perbelanjaan pembangunan (DE) diunjur sebanyak RM80 bilion dan kekal melebihi 3% daripada KDNK selaras dengan objektif fiskal di bawah Akta 850 serta menunjukkan komitmen berterusan terhadap pelaburan awam.

Langkah tambahan berkaitan peningkatan hasil dan kecekapan perbelanjaan tersebut memperkukuh komitmen Kerajaan untuk mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 3.8% daripada KDNK. Sementara itu, baki primer iaitu baki tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak 1.1% daripada KDNK. Keperluan pinjaman kasar Kerajaan dijangka berkurang melalui sasaran defisit lebih rendah secara berterusan menyokong trajektori hutang yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana.

**JADUAL 1.1.** Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2026

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2024	2025 <sup>2</sup>	2026 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>2</sup>	2026 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>2</sup>	2026 <sup>3</sup>
Hasil	324,618	334,115	343,124	3.1	2.9	2.7	16.8	16.6	16.1
Perbelanjaan mengurus	321,509	332,150	338,202	3.3	3.3	1.8	16.6	16.5	15.9
<b>Baki semasa</b>	<b>3,109</b>	<b>1,965</b>	<b>4,922</b>				<b>0.2</b>	<b>0.1</b>	<b>0.2</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	84,012	80,000	81,000	-12.6	-4.8	1.3	4.2	4.0	3.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,737	1,321	1,500	72.5	-23.9	13.6	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	82,275	78,679	79,500	-13.5	-4.4	1.0	4.3	3.9	3.7
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-79,166</b>	<b>-76,714</b>	<b>-74,578</b>				<b>-4.1</b>	<b>-3.8</b>	<b>-3.5</b>
<b>Baki primer<sup>1</sup></b>	<b>-28,685</b>	<b>-22,414</b>	<b>-16,278</b>				<b>-1.5</b>	<b>-1.1</b>	<b>-0.8</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

<sup>2</sup> Anggaran disemak

<sup>3</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Tinjauan 2026

Tinjauan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh sebagai pemacu utama pertumbuhan. Dasar fiskal akan kekal menyokong pertumbuhan di samping mengimbangi konsolidasi kewangan awam. Kutipan hasil untuk 2026 dianggar berjumlah RM343.1 bilion didorong oleh peningkatan dalam cukai langsung dan tidak langsung. Pelaksanaan setahun penuh cukai jualan yang diperluas dan peningkatan cukai perkhidmatan serta disokong oleh inisiatif pendigitalan berterusan oleh agensi kutipan cukai berkaitan akan memastikan penjanaan hasil lebih mampan. Pemakaian sistem e-Invois yang dilaksanakan secara berperingkat mulai 2024 akan diwajibkan ke atas perniagaan dengan pendapatan tahunan antara RM1 juta hingga RM5 juta pada 2026 seterusnya menyumbang ke arah pematuhan dan pentadbiran cukai lebih menyeluruh. Sementara itu, hasil bukan cukai diunjur berkurang kepada RM72.7 bilion terutamanya disebabkan oleh jangkaan pendapatan pelaburan yang lebih rendah.

Dari segi perbelanjaan, Kerajaan akan terus meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan awam melalui penyusunan semula keutamaan dan pengagihan sumber fiskal yang lebih bersasar. Jumlah perbelanjaan dianggar RM419.2 bilion atau 19.7% daripada KDNK. Peruntukan OE diunjur meningkat sederhana berjumlah RM338.2 bilion atau 15.9% daripada KDNK berikutan peruntukan subsidi yang lebih rendah walaupun terdapat peningkatan dalam komponen OE yang lain. Sementara itu, peruntukan DE dinaikkan kepada RM81 bilion atau 3.8% daripada KDNK bagi membiayai program dan projek baharu di bawah RMK13. Di samping itu, pelaburan sumber secara bersama melalui entiti berkaitan kerajaan dan projek di bawah PIKAS 2030 akan menjadi pelengkap kepada agenda pembangunan negara. Dasar perbelanjaan akan terus memberikan tumpuan kepada penyasaran

semula subsidi menyeluruh untuk memastikan bantuan diberikan kepada penerima yang berkeelayakan. Pengoperasian Akta Perolehan Kerajaan 2025 akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan mengurangkan ketirisan. Kesemua langkah ini akan membolehkan lebih banyak sumber fiskal digunakan semula untuk menambah baik program bantuan sosial dan projek pembangunan yang menjana pulangan ekonomi dan sosial dalam jangka masa panjang.

Secara keseluruhan, defisit fiskal diunjur mengecil kepada 3.5% daripada KDNK pada 2026 selaras dengan trajektori jangka masa sederhana berpandukan objektif fiskal di bawah Akta 850. Langkah konsolidasi secara berperingkat ini menunjukkan usaha Kerajaan yang teguh dalam mengimbangi antara usaha menyokong pertumbuhan dengan mengekalkan disiplin fiskal. Sementara itu, defisit primer dijangka berkurang kepada 0.8% daripada KDNK sekali gus menunjukkan komitmen konsolidasi fiskal yang berterusan.

## Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2026 – 2028

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) tiga tahun disediakan selaras dengan sasaran kemampunan fiskal di bawah Akta 850 serta kerangka Ekonomi MADANI. Rangka kerja ini akan menyokong pelaksanaan RMK13 di samping mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal. Andaian utama dalam MTFF termasuk purata pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4.9% dengan harga minyak mentah purata diunjur pada USD70 setong dan pengeluaran minyak mentah antara 450,000 hingga 500,000 tong sehari.

Jumlah hasil bagi tempoh 2026 - 2028 diunjur pada RM1,072.2 bilion atau 15.7% daripada KDNK disumbangkan oleh hasil bukan

petroleum sebanyak RM943.1 bilion atau 13.8% daripada KDNK yang meliputi 88% daripada jumlah hasil. Peningkatan ini dijangka disokong oleh kutipan SST lebih baik, pematuhan cukai melalui pendigitalan serta Cukai Minimum Global (GMT). Hasil berkaitan petroleum dianggar lebih sederhana kepada RM129.1 bilion atau 1.9% daripada KDNK sejajar dengan usaha mempelbagaikan hasil. Siling indikatif untuk OE dianggar sebanyak RM1,045.9 bilion atau 15.4% daripada KDNK manakala DE diunjur pada RM247 bilion atau 3.6% daripada KDNK. Defisit fiskal purata dijangka berjumlah 3.2% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana yang mengukuhkan trajektori fiskal ke arah pencapaian sasaran defisit sebanyak 3% pada 2028.

**JADUAL 1.2.** *Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2026 – 2028*


	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	1,072.2	15.7
Bukan petroleum	943.1	13.8
Berkaitan petroleum	129.1	1.9
Perbelanjaan mengurus	1,045.9	15.4
<b>Baki semasa</b>	<b>26.3</b>	<b>0.4</b>
Perbelanjaan pembangunan kasar	247.0	3.6
Tolak: terimaan balik pinjaman	3.9	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	243.1	3.6
<b>Baki keseluruhan</b>	<b>-216.8</b>	<b>-3.2</b>
<b>Baki primer</b>	<b>-31.7</b>	<b>-0.5</b>
Andaian asas:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.9	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.3	
Purata harga minyak mentah (USD/tong)	70	
Pengeluaran minyak mentah (tong/hari)	450,000 - 500,000	

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah Belanjawan 2026  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia


## Kesimpulan

Pendirian fiskal Malaysia kekal disokong oleh daya tahan ekonomi dan kemampuan fiskal di samping memastikan kesejahteraan rakyat. Langkah konsolidasi sedang dilaksanakan secara berperingkat dan selaras dengan mandat di bawah Akta 850. Pembaharuan berterusan dalam pentadbiran hasil, pengurusan perbelanjaan dan penyasaran semula subsidi mencerminkan pendekatan yang berdisiplin selain kekal adaptif terhadap keperluan pembangunan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memastikan pelarasan strategi fiskal seiring dengan keutamaan pembangunan jangka masa sederhana di bawah RMK13 di samping mengekalkan fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap cabaran yang semakin meningkat. Pendirian seimbang ini mengukuhkan keyakinan bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mencapai sasaran fiskal dan meletakkan asas demi kestabilan ekonomi jangka masa panjang dan pertumbuhan yang terangkum.


**RAJAH 1.1.** Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



**RAJAH 1.2.** Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan



**RAJAH 1.3.** Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

<sup>3</sup> Unjuran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## SEKSYEN 2

# Hasil Kerajaan Persekutuan

### **11 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **11 HASIL 2025**

---

### **13 TINJAUAN 2026**

---

### **14 KESIMPULAN**

---

Sisipan - Landskap Percukaian Malaysia:  
Semakan Semula Kadar Cukai Jualan dan Peluasan  
Skop Cukai Perkhidmatan

---



## SEKSYEN 2

# Hasil Kerajaan Persekutuan

## Perspektif Keseluruhan

Sebagai tonggak utama dasar fiskal, strategi hasil yang kukuh dan mampan penting bagi memastikan Kerajaan berupaya membiayai agenda keutamaan negara serta mengukuhkan daya tahan fiskal. Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk memperkukuh penjanaan hasil, menyokong pertumbuhan terangkum dan menjamin kestabilan ekonomi jangka masa panjang seiring dengan objektif yang dimandatkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Pengurusan hasil yang seimbang bukan sahaja menggalakkan pelaburan strategik yang meningkatkan daya saing negara tetapi juga memastikan agihan pendapatan secara saksama seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat.

Agenda pembaharuan fiskal memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan strategi hasil yang komprehensif dengan berpaksikan prinsip kecekapan, ketelusan dan kesaksamaan. Beberapa langkah peningkatan hasil telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan defisit serta mengukuhkan daya tahan fiskal. Langkah tersebut termasuk peluasan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST), pelaksanaan e-Invois secara berfasa, pengenalan cukai pendapatan dividen, peningkatan duti eksais ke atas minuman bergula secara berperingkat dan penganan cukai minimum global ke atas syarikat multinasional. Inisiatif percukaian tersebut bertujuan meluaskan asas cukai, meningkatkan pematuhan, mengurangkan ketirisan sistem serta menambah baik kapasiti pentadbiran. Selain itu, Rangka Kerja Insentif Pelaburan Baharu sedang dirangka untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif seiring dengan usaha untuk

menggalakkan pelaburan swasta sebagai pemacu pertumbuhan. Pelaksanaan langkah tersebut dijangka menjana aliran hasil yang mampan dan mengukuhkan semula kedudukan fiskal Kerajaan dalam jangka masa sederhana.

## Hasil 2025

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2025 disemak semula dan dijangka meningkat sebanyak 2.9% kepada RM334.1 bilion berbanding 2024 berikutan usaha berterusan Kerajaan untuk meluaskan asas cukai. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama kepada kutipan hasil keseluruhan merangkumi 75.8% daripada jumlah hasil atau 12.6% daripada KDNK. Bahagian hasil bukan cukai kepada jumlah hasil pula dianggar berkurang kepada RM80.7 bilion atau 24.2% daripada jumlah hasil.

**Cukai langsung** dianggar meningkat sebanyak 3.2% kepada RM177.1 bilion terutamanya didorong oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat yang lebih tinggi berjumlah RM141.9 bilion. Cukai pendapatan individu diunjur meningkat sebanyak 9.1% kepada RM44.9 bilion sejajar dengan peningkatan bilangan pembayar cukai individu berdaftar sebanyak 13% berikutan pertumbuhan gaji yang stabil, kadar pengangguran yang rendah serta pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Hasil cukai pendapatan syarikat (CITA) juga diunjur meningkat sebanyak 4.6% kepada RM97 bilion disokong oleh pendapatan syarikat yang lebih tinggi dalam tahun kewangan 2024 khususnya daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Selain itu, pelaksanaan e-Invois secara berfasa mulai Ogos 2024 dijangka akan terus mengurangkan ketirisan dan meningkatkan pematuhan seterusnya

menyumbang kepada kutipan hasil yang lebih tinggi. Pada akhir Ogos 2025, bilangan pembayar cukai syarikat telah meningkat lebih 15% berbanding 2024. Pada masa yang sama, kutipan cukai langsung lain terutamanya duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggarkan meningkat kepada RM10.1 bilion dan RM2.3 bilion disokong oleh nilai pasaran harta tanah yang lebih tinggi. Berdasarkan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), nilai harta tanah pada separuh pertama 2025 telah meningkat sebanyak 1.9% berbanding tempoh yang sama pada 2024.

Kutipan **cukai tidak langsung** diunjur meningkat sebanyak 11.3% kepada RM76.3 bilion didorong oleh kutipan SST yang

lebih tinggi. Cukai perkhidmatan dijangka melonjak sebanyak 26.1% kepada RM29.3 bilion lanjutan daripada pelaksanaan penuh cukai perkhidmatan dengan kadar 8% pada 2025 serta peluasan skop perkhidmatan bercukai termasuk logistik, sewaan atau pajakan barang dan premis serta perkhidmatan kewangan terpilih. Cukai jualan juga dianggarkan meningkat sebanyak 12% kepada RM24.1 bilion didorong oleh penggunaan swasta yang rancak dan impak daripada peluasan cukai jualan ke atas barangan terpilih. Cukai tidak langsung lain juga diunjur meningkat sebanyak 2.5% terutamanya disumbangkan oleh levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit selaras dengan anggaran purata harga CPO yang lebih tinggi pada 2025.

**JADUAL 2.1.** Hasil Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2026

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>
<b>Hasil cukai</b>	<b>240,192</b>	<b>253,400</b>	<b>270,383</b>	<b>4.8</b>	<b>5.5</b>	<b>6.7</b>	<b>74.0</b>	<b>75.8</b>	<b>78.8</b>
Cukai langsung	171,693	177,145	187,357	0.2	3.2	5.8	52.9	53.0	54.6
<i>antaranya:</i>									
CITA	92,776	97,033	103,353	1.1	4.6	6.5	28.6	29.0	30.1
Individu	41,099	44,859	49,069	8.8	9.1	9.4	12.7	13.4	14.3
PITA	20,528	16,906	15,698	-21.3	-17.6	-7.1	6.3	5.1	4.6
Cukai tidak langsung	68,499	76,255	83,026	18.4	11.3	8.9	21.1	22.8	24.2
<i>antaranya:</i>									
SST	44,758	53,424	59,627	26.2	19.4	11.6	13.8	16.0	17.4
Duti eksais	13,383	12,508	12,791	1.8	-6.5	2.3	4.1	3.7	3.7
Duti import	3,072	3,077	3,081	1.2	0.2	0.1	1.0	0.9	0.9
Duti eksport	2,092	1,920	1,913	2.6	-8.3	-0.3	0.6	0.6	0.6
<b>Hasil bukan cukai</b>	<b>84,426</b>	<b>80,715</b>	<b>72,741</b>	<b>-1.6</b>	<b>-4.4</b>	<b>-9.9</b>	<b>26.0</b>	<b>24.2</b>	<b>21.2</b>
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	17,041	15,879	15,726	1.8	-6.8	-1.0	5.2	4.8	4.6
Pendapatan pelaburan	45,782	50,374	36,676	-18.0	10.0	-27.2	14.1	15.1	10.7
<b>Jumlah hasil</b>	<b>324,618</b>	<b>334,115</b>	<b>343,124</b>	<b>3.1</b>	<b>2.9</b>	<b>2.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian daripada KDNK (%)</b>	<b>16.8</b>	<b>16.6</b>	<b>16.1</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

**Hasil bukan cukai** dianggar berkurang kepada RM80.7 bilion pada 2025 seiring dengan fokus Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber hasil tidak mampan. Hasil daripada lesen dan permit dianggarkan berkurang kepada RM15.9 bilion disebabkan oleh terimaan royalti petroleum yang lebih rendah kerana penurunan purata harga minyak mentah dunia. Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan diunjur kekal kukuh berjumlah RM50.4 bilion dengan dividen PETRONAS kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak RM32 bilion dan dividen Bank Negara Malaysia yang lebih tinggi sebanyak RM5.25 bilion. Selain itu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dijangka menyumbang sebanyak RM4 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan pada tahun semasa. Terimaan daripada lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing pula dianggar kekal stabil sebanyak RM3.4 bilion dan RM3.7 bilion.

Bahagian **hasil berkaitan petroleum** dijangka mengecil kepada sekitar 17% daripada jumlah hasil atau 2.8% daripada KDNK seiring dengan trend penurunan purata harga minyak mentah dunia. Cukai pendapatan petroleum (PITA) diunjur mencatat RM16.9 bilion dan royalti petroleum sebanyak RM5.5 bilion. Walau bagaimanapun, **hasil bukan petroleum** dianggar berkembang sebanyak 6% kepada RM277.5 bilion dipacu hasil cukai lebih tinggi yang mencerminkan keberhasilan positif daripada langkah berterusan untuk mempelbagaikan hasil.

## Tinjauan 2026

Kerajaan menjangkakan pelbagai langkah hasil yang telah dilaksanakan secara berperingkat bermula 2024 akan menunjukkan kesan penuh pada 2026. Antara langkah hasil yang khusus adalah inisiatif utama percukaian termasuk penambahbaikan skop dan kadar SST serta penggunaan pendigitalan melalui e-Invois yang

menggalakkan pematuhan cukai. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2026 diunjur meningkat sebanyak 2.7% kepada RM343.1 bilion terutamanya disumbangkan oleh hasil cukai yang dianggar sebanyak RM270.4 bilion merangkumi 78.8% daripada jumlah hasil atau 12.7% daripada KDNK. Hasil bukan cukai pula dianggar sebanyak RM72.7 bilion atau 3.4% daripada KDNK terutamanya disokong oleh pendapatan pelaburan dan sumber sedia ada lain seperti lesen dan permit. Jumlah keseluruhan hasil yang lebih tinggi menunjukkan peningkatan kecekapan kutipan cukai serta impak positif pembaharuan fiskal yang berterusan.

Kutipan **cukai langsung** diunjur meningkat sebanyak 5.8% kepada RM187.4 bilion merangkumi 69.3% daripada jumlah hasil cukai terutamanya didorong oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat yang lebih tinggi. Kutipan CITA kekal sebagai sumber terbesar cukai langsung dengan anggaran sebanyak RM103.4 bilion disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang kekal mampan dan pelaksanaan penuh sistem e-Invois pada 2026 yang akan meningkatkan jumlah pembayar cukai berdaftar. Cukai pendapatan individu juga dianggar meningkat sebanyak 9.4% kepada RM49.1 bilion yang mencerminkan kestabilan pasaran buruh dan pertumbuhan gaji berterusan. Fasa kedua pelarasan gaji penjawat awam di bawah SSPA dijangka terus memperluas asas percukaian dan menyumbang secara positif kepada kutipan cukai pendapatan individu. Selain itu, hasil daripada komponen cukai langsung lain khususnya duti setem dan CKHT dianggar meningkat kepada RM10.3 bilion dan RM2.4 bilion sejajar dengan pertambahan transaksi dalam sektor hartanah.

**Cukai tidak langsung** diunjur meningkat sebanyak 8.9% kepada RM83 bilion pada 2026 disokong oleh langkah dasar bersasar dan permintaan domestik yang kukuh. Kutipan SST dijangka kekal sebagai komponen utama yang menyumbang sebanyak RM59.6 bilion

atau 71.8% daripada jumlah hasil cukai tidak langsung iaitu 2.8% daripada KDNK. Jumlah kutipan SST ini termasuk tambahan hasil sekitar RM10 bilion berikutan pelaksanaan peluasan SST. Cukai jualan dianggar sebanyak RM26.6 bilion manakala cukai perkhidmatan dijangka mencatat RM33 bilion. Jumlah kutipan ini juga menggambarkan perbelanjaan penggunaan yang rancak sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Selain itu, duti eksais dianggar mencatat RM12.8 bilion disokong oleh pengenalan model kenderaan baharu dan promosi yang agresif serta penamatan tempoh pengecualian duti eksais ke atas kenderaan elektrik *completely built up* (CBU) bermula 2026.

**Hasil bukan cukai** diunjur berkurang 9.9% kepada RM72.7 bilion, terutamanya disebabkan oleh bayaran dividen PETRONAS yang lebih rendah berjumlah RM20 bilion, manakala Khazanah dijangka menyumbang RM2 bilion. Kerajaan juga menjangka sumbangan sebanyak RM5 bilion daripada KWAP untuk menampung sebahagian bayaran persaraan dan anggaran terimaan *one-off* berjumlah RM3 bilion daripada transaksi pindah milik Lembaga Pelabuhan Bintulu. Selain itu, hasil daripada lesen dan permit diunjur kekal stabil sebanyak RM15.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing berjumlah RM3.4 bilion dan RM3.8 bilion.

**Hasil berkaitan petroleum** diunjur terus berkurang pada 2026 kepada RM43 bilion merangkumi 12.5% daripada jumlah hasil terutamanya disebabkan oleh dividen PETRONAS yang lebih rendah. Penurunan ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi berikutan ketidaktentuan harga. Kutipan PITA dianggar sebanyak RM15.7 bilion dan royalti petroleum sebanyak RM5.1 bilion berdasarkan andaian purata harga minyak mentah global yang menyederhana. Walau bagaimanapun, **hasil bukan petroleum** dijangka meningkat 8.1% kepada RM300.1 bilion menunjukkan kesan

menyeluruh berikutan pelaksanaan strategi peningkatan hasil pada tahun sebelumnya. Peralihan ke arah peluasan asas hasil yang mampan selaras dengan usaha konsolidasi fiskal yang bertujuan mengurangkan pendedahan kepada kejutan luaran, menambah baik kapasiti kutipan hasil dan memastikan komitmen perbelanjaan yang berhemat khususnya untuk perlindungan sosial dan keutamaan pembangunan.

## Kesimpulan

Penjanaan hasil yang mampan penting bagi pengukuhan kedudukan fiskal negara sekali gus menyediakan sumber untuk membiayai penyampaian perkhidmatan awam, pembangunan infrastruktur dan program perlindungan sosial. Pembaharuan terkini telah menambah baik sistem percukaian supaya lebih progresif dan berdaya tahan di samping mengurangkan kebergantungan kepada kutipan hasil daripada sumber yang tidak stabil. Langkah ini membantu memperkukuh kedudukan fiskal dan memastikan Kerajaan dapat memenuhi keperluan rakyat di samping mengekalkan kemampanan fiskal jangka masa panjang. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan langkah hasil yang pelbagai termasuk mengguna pakai Strategi Hasil Jangka Sederhana secara berperingkat menandakan kepentingan pembaharuan struktur dalam dasar hasil dan pentadbiran. Langkah pembaharuan melalui peluasan asas cukai, meminimumkan ketirisan dan meningkatkan pematuhan secara pendigitalan dijangka menambah baik apungan cukai dan membina ruang fiskal yang mencukupi bagi intervensi dasar kitaran balas pada masa hadapan. Justeru, inisiatif pembaharuan fiskal penting bagi menyediakan sumber untuk membiayai keutamaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 demi mencapai kestabilan makroekonomi dan pertumbuhan yang terangkum.

## SISIPAN

## Landskap Percukaian Malaysia: Semakan Semula Kadar Cukai Jualan dan Peluasan Skop Cukai Perkhidmatan

### Latar Belakang Cukai Penggunaan di Malaysia

Sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) diperkenalkan di Malaysia melalui penggubalan Akta Cukai Jualan pada 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan pada 1975. Liputan SST ini merangkumi hampir 46% barang dan perkhidmatan yang berada dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP). Cukai ini merangkumi dua jenis cukai yang berasingan iaitu cukai jualan yang dikenakan ke atas barangan yang diimport atau dikilang dalam negeri sama ada pada waktu diimport atau ketika dijual oleh pengilang manakala cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan dalam negeri atau diimport. Pada peringkat awal, cukai jualan dikenakan pada kadar 5% atau 10% mengikut kepada kategori barang. Secara amnya, barang makanan tidak diproses dikecualikan cukai jualan, makanan diproses dan barangan perantaraan dikenakan cukai pada kadar 5% manakala barang siap dicukai pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, kadar cukai perkhidmatan yang seragam pada 6% dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai sebagaimana termaktub dalam perundangan. Struktur SST ini diguna pakai sehingga Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan mulai 1 April 2015.

Pelaksanaan GST pada kadar seragam 6% merupakan cukai penggunaan yang lebih meluas dan dikenakan pada setiap rantaian bekalan dengan mekanisme input kredit cukai untuk mengelak cukai berganda. Walau bagaimanapun, pelaksanaan GST berhadapan dengan bantahan awam yang meluas terutamanya berikutan tanggapan kesan GST kepada kos sara hidup, beban pematuhan kepada perusahaan kecil dan cabaran pentadbiran. Cabaran ini akhirnya menyebabkan pemansuhan GST pada 1 Jun 2018 di bawah pucuk pimpinan baharu.

Selepas tempoh tiga bulan “tanpa cukai”, Kerajaan kemudian melaksanakan semula SST pada 1 September 2018 dengan memperkenalkan rangka kerja cukai yang lebih terhad dan kurang menyeluruh berbanding GST. Di bawah pelaksanaan SST baharu ini, tiada perubahan signifikan dibuat kepada perundangan dan struktur sedia ada SST sebelum ini. Pada masa yang sama, cukai jualan dikenakan pada kadar 5% atau 10% ke atas barang bercukai pada peringkat pembuatan atau import manakala cukai perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai seperti penginapan, makanan dan minuman, telekomunikasi, insurans serta perkhidmatan profesional terpilih. Skop SST yang lebih terhad bukan sahaja mengecualikan cukai ke atas barangan keperluan tetapi turut mengurangkan beban pematuhan khususnya kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan menghapuskan keperluan mekanisme input kredit cukai dan pelaporan yang berlebihan.

### Penambahbaikan Rangka Kerja SST

Rangka kerja SST ditambah baik secara berperingkat supaya selaras dengan dasar cukai penggunaan yang dinamik di seluruh dunia serta seiring dengan kemajuan dan kompleksiti ekonomi. Penambahbaikan ini termasuk pengenalan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital (SToDS) bermula 1 Januari 2020. Cukai ini dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh orang berdaftar asing kepada pengguna di Malaysia (B2C). Dalam hal ini, perkhidmatan digital merujuk kepada apa-apa perkhidmatan yang disediakan atau dilanggan melalui internet atau rangkaian elektronik lain dan tidak boleh

diperoleh tanpa menggunakan teknologi maklumat iaitu penyampaian perkhidmatan itu pada asasnya adalah secara atas talian. Pelaksanaan SToDS bukan sahaja melengkapkan dasar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport tetapi turut memastikan kesamarataan kepada penyedia perkhidmatan digital tempatan yang telah dikenakan cukai perkhidmatan sejak 2018.

Bermula Januari 2024, cukai jualan pada kadar 10% telah dikenakan ke atas barang bernilai rendah (LVG) yang diimport. Langkah ini diperkenalkan untuk menangani ketirisan hasil Kerajaan daripada e-dagang dan memastikan keadilan kepada perniagaan tempatan. Cukai jualan ke atas LVG dikenakan ke atas barang yang diimport bernilai tidak melebihi RM500 yang dibeli melalui platform e-dagang. Bagi memudahkan pematuhan, penjual e-dagang asing dengan jualan LVG tahunan melebihi RM500,000 dikehendaki untuk mendaftar di bawah SST melalui sistem MyLVG. Penjual asing berdaftar diwajibkan mengemukakan penyata dan membuat bayaran cukai sewajarnya pada setiap suku tahun dan dikenakan penalti sekiranya berlaku kelewatan pembayaran atau ketidakpatuhan.

**RAJAH 1.** Perkembangan Cukai Penggunaan di Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penambahbaikan kepada rangka kerja SST terus dilaksanakan sebagai sebahagian usaha besar Kerajaan untuk meningkatkan kemampanan hasil di samping mengimbangi impak kepada perniagaan dan pengguna. Pembaharuan tersebut dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan impak ke atas ekonomi secara menyeluruh adalah terurus. Pada 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan disemak semula daripada 6% kepada 8% dan skop cukai perkhidmatan diperluas kepada perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan logistik ditetapkan pada 6% bagi mengurangkan impak naikan cukai perkhidmatan kepada rantaian bekalan. Selain itu, kadar 6% juga dikekalkan untuk perkhidmatan yang digunakan oleh rakyat secara meluas seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan perkhidmatan tempat letak kereta.

Rangka kerja SST juga ditambah baik seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025. Semakan semula kadar cukai jualan dan peluasan skop cukai perkhidmatan telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 berbanding perancangan asal pada 1 Mei 2025 bagi memberikan masa secukupnya untuk sesi libat urus dan persediaan sewajarnya oleh perniagaan bagi memastikan pelaksanaan langkah ini berjalan lancar. Di bawah semakan semula kadar cukai jualan, keperluan asas seperti beras, daging, telur dan sayur terus dikecualikan cukai. Pengecualian turut diberikan kepada input asas pertanian dan bahan asas pembinaan bagi mengurangkan beban kos dalam pembekalan makanan dan rumah kediaman. Kenaikan kadar cukai jualan kepada 5% atau 10% hanya terpakai kepada barangan pilihan tertentu dengan pengguna mempunyai kebebasan untuk memilih mengikut gaya hidup dan kemampuan. Barangan ini termasuk ikan yang diimport, buah-buahan bermusim yang diimport, makanan khusus dan barangan bukan asas atau mewah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.

**RAJAH 2.** Cukai Jualan ke atas Barangan Terpilih



Kadar Cukai Jualan (CJ)		
Barangan Berkadar 0%	Barangan Berkadar 5%	Barangan Berkadar 10%
CJ ke atas barang keperluan asas dikekalkan pada kadar 0%	Barang yang dikenakan CJ pada kadar 5%	Barang yang dikenakan CJ pada kadar 10%
<p>Contoh barangan kekal pada kadar 0%:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Barang belum diproses: <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayam / lembu / kambing</li> <li>Tilapia / tongkol / udang / sotong</li> <li>Sayur-sayuran &amp; buah-buahan tempatan</li> <li>Beras / barli / oat / gandum</li> </ul> </li> <li>Barang telah diproses: <ul style="list-style-type: none"> <li>Tepung</li> <li>Sardin dalam tin</li> <li>Gula / garam</li> <li>Roti putih, pasta, bihun, mi &amp; mi segera</li> <li>Susu / Milo / Vico / Nestum</li> </ul> </li> <li>Minyak masak sawit</li> <li>Ubatan &amp; peranti perubatan</li> <li>Buku, jurnal &amp; surat khabar</li> <li>Makanan ternakan &amp; peliharaan</li> <li>Bahan asas pembinaan</li> <li>Baja &amp; racun</li> <li>Jentera pertanian &amp; penternakan</li> </ul>	<p>Contoh barangan kekal pada kadar 5%:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Abalone &amp; udang kara</li> <li>Quinoa</li> <li>Keju</li> <li>Jem buah-buahan</li> <li>Telefon pintar</li> </ul> <p>Contoh barangan dinaikkan ke kadar 5%:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>King crab</li> <li>Salmon &amp; kod</li> <li>Cendawan truffle</li> <li>Strawberi import</li> <li>Essential oils</li> <li>Sutera</li> <li>Jentera industri</li> </ul>	<p>Contoh barangan kekal pada kadar 10%:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kaviar</li> <li>Sirip ikan yu</li> <li>Minuman beralkohol</li> <li>Rokok &amp; cerut</li> <li>Barangan kulit</li> </ul> <p>Contoh barangan dinaikkan ke kadar 10%:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sisa skrap tungsten</li> <li>Basikal lumba</li> <li>Lukisan &amp; arca antik</li> </ul>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, skop cukai perkhidmatan telah diperluas kepada lima kategori perkhidmatan tambahan yang bertumpu kepada perkhidmatan komersial iaitu sewaan atau pajakan, kerja pembinaan, perkhidmatan kewangan berasaskan fi, penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan. Walau bagaimanapun, pengecualian bersasar untuk perkhidmatan sewaan atau pajakan dan kerja pembinaan rumah kediaman diperkenalkan bagi meminimumkan beban langsung kepada rakyat.

Selain itu, warganegara Malaysia diberikan pengecualian daripada kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan pengajian tinggi. Langkah ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk meluaskan asas cukai di samping melindungi kesejahteraan majoriti rakyat.

Peluasan skop cukai perkhidmatan juga menetapkan nilai ambang pendaftaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan bercukai baharu iaitu melebihi RM1 juta setahun untuk sewaan atau pajakan serta perkhidmatan kewangan berasaskan fi dan melebihi RM1.5 juta setahun untuk kerja pembinaan dan penjagaan kesihatan swasta. Nilai ambang pendaftaran yang lebih tinggi memastikan perniagaan kecil tidak perlu mendaftar dan mematuhi keperluan cukai perkhidmatan. Bagi terus menyokong perusahaan mikro dan kecil, perniagaan dengan pendapatan tahunan RM1 juta atau kurang juga layak diberikan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas sewaan.

RAJAH 3. Ciri-ciri Utama Peluasan Cukai Perkhidmatan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pada 2024, kutipan hasil SST merekodkan sebanyak 2.3% daripada KDNK yang merupakan pertambahan sebanyak 0.4 mata peratusan berbanding 2023 terutamanya didorong oleh pelaksanaan cukai perkhidmatan yang lebih tinggi pada kadar 8%. Peluasan terkini skop SST pada 2025 dijangka akan menjana tambahan hasil sebanyak RM5 bilion atau 0.2% daripada KDNK. Kutipan hasil SST diunjur mencecah paras yang direkodkan semasa era GST dengan purata hampir 3% daripada KDNK dalam tempoh jangka masa sederhana berikutan gabungan kesan peluasan skop dan peningkatan penggunaan domestik.


## Kesimpulan

Peluasan SST telah dirangka secara teratur bagi mengurangkan kesan kepada sosioekonomi khususnya rakyat dan perniagaan kecil. Kerajaan melaksanakan peluasan SST bersasar secara strategik untuk mengelakkan beban tidak wajar dan meminimumkan kesan cukai berganda daripada sistem cukai. Pada masa yang sama, usaha turut diambil untuk menambah baik struktur cukai yang progresif bagi memastikan layanan cukai yang adil dan bersasar kepada semua kumpulan pendapatan. Pendekatan ini dapat menjamin hasil yang mencukupi bagi membolehkan Kerajaan mengekalkan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan berkesan. Secara keseluruhan, langkah tersebut membuktikan usaha Kerajaan demi mencapai keseimbangan antara tanggungjawab fiskal dan kesaksamaan sosial dalam konteks pembaharuan polisi cukai yang lebih luas.


## Rujukan

- Andrew, C. & Baer, K. (2023). *How to Combat Value-Added Tax Refund Fraud*. International Monetary Fund. <https://www.imf.org/en/Publications/Fiscal-Affairs-Department-How-To-Notes/Issues/2023/08/04/How-to-Combat-Value-Added-Tax-Refund-Fraud-528035>
- Ernst & Young. (2025, Mac 19). *Worldwide VAT, GST and Sales Tax Guide 2025*. [https://www.ey.com/en\\_gl/technical/tax-guides/worldwide-vat-gst-and-sales-tax-guide](https://www.ey.com/en_gl/technical/tax-guides/worldwide-vat-gst-and-sales-tax-guide)
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (2025, Ogos 18). *Cukai Jualan & Perkhidmatan Malaysia*. <https://mysst.customs.gov.my/Infographic>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2023). *Merungkai Dilema Cukai Penggunaan: Perbandingan SST dan GST/VAT*. Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/hasil/seksyen2.pdf>

**RAJAH 2.1.** Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)



**RAJAH 2.2.** Hasil Kerajaan Persekutuan (% daripada KDNK)



<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

**23 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

**23 PERBELANJAAN 2025**

---

**27 TINJAUAN 2026**

---

**30 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT  
PERSEKUTUAN**

---

**30 KESIMPULAN**

---

Sisipan - BUDI MADANI: Mengimbangi  
Reformasi Fiskal dan Perlindungan Sosial

---



## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

## Perspektif Keseluruhan

Kerajaan Persekutuan kekal komited terhadap prinsip pengurusan fiskal yang berhemat dalam menyokong pembangunan ekonomi, perlindungan sosial dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Pembaharuan fiskal yang berpandukan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menekankan disiplin, ketelusan dan kecekapan bagi memastikan dana awam disalurkan kepada program dan projek yang menyokong agenda nasional. Seterusnya, penggubalan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 yang diluluskan baru-baru ini memperkenalkan rangka kerja perundangan yang komprehensif bagi perolehan pada peringkat persekutuan, negeri dan entiti yang dibiayai awam dengan matlamat untuk memastikan kecekapan, nilai untuk wang yang terbaik, ketelusan, keadilan dan akauntabiliti dalam perbelanjaan awam.

Secara keseluruhan, dasar perbelanjaan selaras dengan keutamaan kerangka Ekonomi MADANI yang menekankan usaha menaikkan lantai dengan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menaikkan siling dengan memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Kerajaan telah melaksanakan pembaharuan penting bagi meningkatkan kemampuan fiskal termasuk pelaksanaan berfasa Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) serta rasionalisasi subsidi elektrik, diesel dan RON95. Perbelanjaan pembangunan (DE) turut diberikan keutamaan secara strategik kepada projek berimpak tinggi seperti pengangkutan awam, infrastruktur digital dan tebatan banjir. Tahun 2025 ialah tahun terakhir Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) dan merupakan fasa kritikal dalam

mempercepat pencapaian keberhasilan pembangunan. Pemilihan projek perlu diperhalusi bagi memastikan dana digunakan dengan cekap dan berkesan. Sehubungan itu, DE akan terus menjadi pemacu pelaburan awam dan menggalakkan keberhasilan ekonomi yang positif.

## Perbelanjaan 2025

Kerajaan menyemak semula jumlah perbelanjaan 2025 daripada peruntukan diluluskan sebanyak RM421 bilion kepada RM412.1 bilion berikutan pengoptimuman emolumen dan bayaran khidmat hutang (DSC) yang lebih rendah serta pengurangan DE. Pelarasan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk menyusun semula pelan perbelanjaan seiring dengan usaha konsolidasi fiskal. Sebanyak 80.6% daripada jumlah yang disemak semula diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus (OE) manakala baki 19.4% diperuntukkan kepada DE.

Sektor sosial menerima bahagian terbesar sebanyak RM148.9 bilion yang merangkumi 36.1% daripada jumlah peruntukan diikuti sektor ekonomi (RM58.7 bilion; 14.2%), keselamatan (RM42.2 bilion; 10.2%) dan pentadbiran am (RM21 bilion; 5.1%). Baki sebanyak 34.4% diperuntukkan kepada perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan merangkumi DSC, bayaran persaraan dan serahan kepada negeri.

Jumlah **OE** pada 2025 dianggar sebanyak RM332.1 bilion berbanding peruntukan asal RM335 bilion. Pelarasan ini terutamanya disebabkan oleh pengoptimuman emolumen, bayaran persaraan, DSC dan geran kepada badan berkanun. Walau bagaimanapun,

**JADUAL 3.1.** *Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen, 2024 – 2026*

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>
Emolumen	95,936	103,522	109,366	4.4	7.9	5.6	29.8	31.2	32.3
Bayaran persaraan	35,901	40,060	42,801	5.3	11.6	6.8	11.2	12.1	12.7
Bayaran khidmat hutang	50,481	54,300	58,300	9.0	7.6	7.4	15.7	16.3	17.2
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	8,949	9,260	9,828	3.0	3.5	6.1	2.8	2.8	2.9
Perkhidmatan dan bekalan	37,668	42,497	40,292	4.9	12.8	-5.2	11.7	12.8	11.9
Subsidi dan bantuan sosial	67,360	57,062	49,004	-6.3	-15.3	-14.1	21.0	17.2	14.5
Pembelian aset	1,189	1,182	1,002	16.2	-0.6	-15.2	0.4	0.4	0.3
Bayaran balik dan hapus kira	499	541	547	-5.1	8.4	1.1	0.2	0.2	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	13,997	14,804	15,809	-11.1	5.8	6.8	4.4	4.5	4.7
Lain-lain	9,529	8,922	11,253	82.0	-6.4	26.1	2.8	2.5	3.3
<b>Jumlah</b>	<b>321,509</b>	<b>332,150</b>	<b>338,202</b>	<b>3.3</b>	<b>3.3</b>	<b>1.8</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% daripada KDNK</b>	<b>16.6</b>	<b>16.5</b>	<b>15.9</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

peruntukan bagi perkhidmatan dan bekalan serta subsidi dan bantuan sosial diunjur meningkat selaras dengan pelaksanaan dasar berkaitan kesejahteraan rakyat.

Pada 2025, OE dijangka meningkat 3.3% berbanding 2024 terutamanya disebabkan oleh peruntukan lebih tinggi untuk emolumen, bayaran persaraan, DSC serta perkhidmatan dan bekalan. Komponen tersebut merangkumi 72.4% daripada jumlah OE. Sementara itu, subsidi dan bantuan sosial mencatatkan penurunan berikutan perbelanjaan subsidi bahan api yang lebih rendah.

*Emolumen* kekal komponen terbesar OE mewakili 31.2% atau RM103.5 bilion. Peruntukan ini dijangka meningkat sebanyak 7.9% berikutan pelaksanaan SSPA pada Disember 2024 yang menyemak semula skim perkhidmatan, gaji pokok, faedah persaraan dan pencen. Seiring dengan pelaksanaan SSPA,

Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867] telah diwartakan pada Mei 2025. Usaha tersebut bertujuan meningkatkan produktiviti, disiplin dan kecekapan sekali gus memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

*Bayaran persaraan* diunjur meningkat 11.6% kepada RM40.1 bilion mencerminkan pertambahan bilangan pesara dan penerima faedah yang kini hampir mencecah satu juta orang. Bagi menangani liabiliti pencen, Kerajaan sedang memuktamadkan pelaksanaan skim berasaskan caruman ditentukan (*defined-contribution*) bagi menggantikan skim berasaskan manfaat ditentukan (*defined-benefits*) untuk penjawat awam. Skim baharu ini akan diuruskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja manakala Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) akan terus mengurus skim berasaskan manfaat ditentukan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

*Subsidi dan bantuan sosial* dijangka berkurang sebanyak 15.3% daripada RM67.4 bilion kepada RM57.1 bilion terutamanya disebabkan oleh rasionalisasi subsidi bahan api dan harga minyak global yang lebih rendah. Penyusunan semula subsidi diesel berjaya membendung ketirisan khususnya aktiviti penyeludupan rentas sempadan seterusnya menjana penjimatan sehingga RM600 juta sebulan. Selain itu, subsidi pukal telur ayam ditamatkan pada Ogos 2025 sebagai sebahagian pendekatan berfasa bagi menamatkan subsidi serta mewujudkan sistem sokongan lebih mampan dan bersasar kepada industri ternakan ayam dan pengguna. Kerajaan turut menambah baik program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi menyokong golongan rentan dalam menangani peningkatan kos sara hidup. Selaras dengan inisiatif rasionalisasi subsidi, Kerajaan telah melaksanakan BUDI95 yang merupakan skim subsidi bersasar RON95 mulai 27 September 2025. Inisiatif ini dijangka membendung ketirisan dan menghalang penjualan petrol bersubsidi kepada warga asing sekali gus menjana penjimatan kepada Kerajaan.

*Bayaran khidmat hutang* merupakan komponen ketiga terbesar OE merangkumi 16.3% daripada jumlah keseluruhan. Bayaran tersebut dijangka meningkat 7.6% kepada RM54.3 bilion. Kerajaan terus komited melaksanakan konsolidasi fiskal dengan memastikan defisit fiskal yang lebih rendah sekali gus mengurangkan keperluan untuk meminjam bagi mengawal pertumbuhan DSC pada masa hadapan.

*Perkhidmatan dan bekalan* diunjur meningkat 12.8% kepada RM42.5 bilion terutamanya disebabkan oleh keperluan lebih tinggi bagi perkhidmatan ikhtisas dan komitmen kontrak berikutan pelaksanaan dasar gaji minimum. Selain itu, peruntukan *one-off* disediakan untuk penganjuran mesyuarat dan persidangan sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia

2025 serta promosi pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 yang turut menyumbang kepada peningkatan ini.

Sejumlah RM14.8 bilion atau 4.5% OE diperuntukkan sebagai *pemberian kepada badan berkanun* khususnya institusi pengajian tinggi awam serta agensi pembangunan wilayah dan luar bandar. Jawatankuasa Khas Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan telah ditubuhkan bagi menangani isu pertindihan fungsi badan berkanun persekutuan. Selain itu, *pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri* dianggar sebanyak RM9.3 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM7.2 bilion ialah pemberian yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada 2025, **DE** dianggar berkurang sebanyak 4.8% kepada RM80 bilion terutamanya disebabkan oleh keperluan perbelanjaan yang lebih rendah bagi sektor ekonomi. Peruntukan juga disalurkan secara strategik mengikut keutamaan projek bagi memastikan sumber diagihkan secara optimum selaras dengan pelan pembangunan bagi tahun terakhir RMKe-12. Walau bagaimanapun, sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar iaitu 45.8% diikuti oleh sosial (34.7%), keselamatan (14.8%) dan pentadbiran am (4.7%).

Sejumlah RM36.6 bilion diperuntukkan bagi *sektor ekonomi* dengan penekanan diberikan untuk memacu inisiatif pembangunan dan kemampanan. Subsektor pengangkutan menerima bahagian terbesar iaitu 44.7% daripada jumlah peruntukan sektor khususnya bagi projek infrastruktur utama sedia ada seperti Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang, Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru dan Rapid Transit System Link antara Johor Bahru dengan Singapura. Peruntukan subsektor alam sekitar dijangka meningkat 14.5% kepada RM3 bilion yang mencerminkan tumpuan lebih tinggi diberikan terhadap inisiatif tebatan banjir di Kota Bharu, Kelantan dan Kuching, Sarawak. Peruntukan subsektor

pertanian juga diunjur meningkat 4.6% kepada RM2.9 bilion bagi membiayai Projek Skim Pemindahan Air Jeniang di Kedah serta Projek Pemacu Pertanian yang dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Sementara itu, peruntukan subsektor perdagangan dan industri dijangka berkurang 12.4% kepada RM2.6 bilion disebabkan oleh penyaluran berperingkat Dana Pembangunan Industri dan Dana Pelaburan Bersama Strategik di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

Peruntukan *sektor sosial* dijangka meningkat 8.5% kepada RM27.8 bilion dan kekal sebagai sektor kedua terbesar. Subsektor pelajaran dan latihan menerima bahagian terbesar daripada peruntukan ini yang dianggar meningkat 16.8% kepada RM14.7 bilion mencerminkan pelaburan berterusan dalam pembangunan modal insan dan fasiliti pendidikan. Antara

inisiatif utama termasuk penyediaan Dana Latihan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional serta menaik taraf 56 kolej vokasional di seluruh negara selain projek pembinaan baharu seperti Kompleks Hospital Pengajar Universiti Sains Islam Malaysia (Fasa 1) di Kota Tinggi, Johor dan Kolej Matrikulasi Lundu di Kuching, Sarawak. Perbelanjaan subsektor kesihatan dijangka meningkat 16.3% kepada RM6.8 bilion berikutan kerja menaik taraf peralatan perubatan dan bukan perubatan serta perolehan kenderaan; pembinaan hospital baharu di Kapar, Selangor dan Petra Jaya, Sarawak; serta penubuhan pusat rawatan harian dan kompleks pakar di Hospital Sultanah Aminah, Johor. Subsektor perumahan menerima RM1.3 bilion terutamanya bagi Projek Perumahan Rakyat di Pulau Pinang, Sabah dan Pahang.

**JADUAL 3.2.** Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, 2024 – 2026

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2026 <sup>2</sup>
<b>Ekonomi</b>	<b>43,401</b>	<b>36,648</b>	<b>36,785</b>	<b>-24.2</b>	<b>-15.6</b>	<b>0.4</b>	<b>51.7</b>	<b>45.8</b>	<b>45.4</b>
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	20,466	16,368	17,534	15.2	-20.0	7.1	24.4	20.5	21.6
Perdagangan dan perindustrian	2,985	2,615	3,031	-0.8	-12.4	15.9	3.6	3.3	3.7
Tenaga dan kemudahan awam	2,185	2,471	2,790	-8.0	13.1	12.9	2.6	3.1	3.4
Pertanian	2,810	2,940	551	-6.9	4.6	-81.3	3.3	3.7	0.7
Alam sekitar	2,625	3,005	3,818	41.1	14.5	27.1	3.1	3.8	4.7
<b>Sosial</b>	<b>25,602</b>	<b>27,784</b>	<b>28,592</b>	<b>5.6</b>	<b>8.5</b>	<b>2.9</b>	<b>30.5</b>	<b>34.7</b>	<b>35.3</b>
<i>antaranya:</i>									
Pelajaran dan latihan	12,590	14,703	14,451	3.3	16.8	-1.7	15.0	18.4	17.8
Kesihatan	5,867	6,825	6,969	22.3	16.3	2.1	7.0	8.5	8.6
Perumahan	1,603	1,318	1,457	-23.9	-17.8	10.5	1.9	1.6	1.8
<b>Keselamatan</b>	<b>11,576</b>	<b>11,861</b>	<b>11,738</b>	<b>1.7</b>	<b>2.5</b>	<b>-1.0</b>	<b>13.8</b>	<b>14.8</b>	<b>14.5</b>
<b>Pentadbiran am</b>	<b>3,433</b>	<b>3,707</b>	<b>3,885</b>	<b>6.5</b>	<b>8.0</b>	<b>4.8</b>	<b>4.0</b>	<b>4.7</b>	<b>4.8</b>
<b>Jumlah</b>	<b>84,012</b>	<b>80,000</b>	<b>81,000</b>	<b>-12.6</b>	<b>-4.8</b>	<b>1.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>% daripada KDNK</b>	<b>4.4</b>	<b>4.0</b>	<b>3.8</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Peruntukan *sektor keselamatan* meningkat 2.5% kepada RM11.9 bilion. Daripada jumlah ini, peruntukan subsektor pertahanan meningkat 2.8% kepada RM7.8 bilion dan keselamatan dalam negeri meningkat 1.8% kepada RM4 bilion. Sebahagian besar peruntukan disalurkan bagi perolehan aset pertahanan seperti senjata, pesawat dan kapal peronda serta pembinaan kem tentera di Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah. Dana juga disediakan bagi pembinaan pos kawalan sempadan dan kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan khususnya di Rantau Panjang, Kelantan dan Nabawan, Sabah.

Peruntukan *sektor pentadbiran am* dijangka meningkat 8% kepada RM3.7 bilion. Sebahagian besar peruntukan disalurkan bagi menambah baik sistem rangkaian seperti Neo MyGovnet, Perkhidmatan Government Hybrid Cloud dan Peluasan Pusat Data Sektor Awam (Fasa 2) bertujuan memperkukuh pengurusan data perkhidmatan awam.

## Tinjauan 2026

Pada 2026, Kerajaan Persekutuan akan meneruskan prinsip tanggungjawab fiskal dan menyelaraskan perbelanjaan sejajar dengan keutamaan strategik berdasarkan kerangka Ekonomi MADANI. Pembaharuan fiskal juga akan menumpukan kepada pengoptimuman perbelanjaan bagi mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi dan melindungi kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, sejumlah RM419.2 bilion telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2026 mewakili 19.7% daripada KDNK iaitu peningkatan sebanyak 1.7% berbanding belanjawan disemak 2025. Daripada jumlah ini, RM338.2 bilion atau 80.7% diperuntukkan kepada OE manakala baki RM81 bilion diperuntukkan kepada DE. Sebahagian besar peruntukan iaitu 32.1% daripada jumlah keseluruhan disalurkan kepada Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pertahanan. Dari segi peruntukan sektor,

sebanyak RM155.9 bilion atau 37.2% daripada keseluruhan bajet diperuntukkan kepada sektor sosial diikuti oleh ekonomi (RM58.9 bilion; 14.1%), keselamatan (RM44.5 bilion; 10.6%) dan pentadbiran am (RM20.7 bilion; 4.9%). Baki sebanyak 33.2% diperuntukkan bagi membiayai perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan.

Peruntukan bagi **OE** berjumlah RM338.2 bilion atau 15.9% daripada KDNK iaitu meningkat sebanyak 1.8% daripada belanjawan disemak 2025. Agihan peruntukan lebih tinggi untuk emolumen, bayaran persaraan dan DSC sebahagiannya diimbangi oleh peruntukan lebih rendah untuk subsidi serta perkhidmatan dan bekalan selaras dengan harga komoditi global yang lebih rendah dan langkah rasionalisasi perbelanjaan sedia ada. Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada pengurusan perbelanjaan yang berhemat bagi mengoptimumkan sumber serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam.

*Emolumen* kekal sebagai komponen terbesar OE diunjurkan meningkat sebanyak 5.6% kepada RM109.4 bilion terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan SSPA fasa kedua termasuk kenaikan gaji pokok 7% bagi penjawat awam Gred 15 dan ke bawah. Pertumbuhan ini juga disumbangkan oleh penambahbaikan pengambilan dan kemajuan kerjaya angkatan tentera seperti yang diumumkan semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam 2025.

*Bayaran persaraan* yang merangkumi 12.7% daripada OE dijangka meningkat sebanyak 6.8% kepada RM42.8 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM33.7 bilion atau 78.8% diperuntukkan untuk pembayaran pencen mencerminkan tanggungjawab Kerajaan untuk terus menyediakan sokongan bagi bilangan pesara yang semakin bertambah dan kesan susulan daripada pelaksanaan SSPA. Baki peruntukan akan digunakan untuk pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat.

*Subsidi dan bantuan sosial* yang merangkumi 14.5% daripada OE diunjur berkurang sebanyak 14.1% kepada RM49 bilion pada 2026. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh harga komoditi global yang lebih rendah dan usaha rasionalisasi subsidi termasuk pelaksanaan Program BUDI95. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sedang membangunkan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di seluruh negara bagi mengekang ketirisan minyak masak paket bersubsidi dan memastikan kumpulan sasaran menerima manfaat. Sebanyak 56% daripada jumlah peruntukan disalurkan kepada bantuan sosial dan insentif bagi menyokong golongan rentan khususnya pelaksanaan STR dan SARA.

Sejumlah RM58.3 bilion diperuntukkan bagi DSC yang mewakili 17.2% daripada OE. Daripada jumlah ini, sebanyak RM57.6 bilion atau 98.8% diperuntukkan untuk pinjaman domestik manakala baki untuk membiayai pinjaman luar pesisir. Strategi pengurusan hutang yang berkesan dan berhemat serta libat urus yang aktif bersama pelabur telah menyumbang kepada pengoptimuman kos pinjaman Kerajaan.

*Perkhidmatan dan bekalan* iaitu perbelanjaan yang diperlukan bagi penyelenggaraan dan operasi kemudahan serta institusi awam diunjur berkurang sebanyak 5.2% kepada RM40.3 bilion merangkumi 11.9% daripada OE. Daripada peruntukan ini, sebanyak 86.2% disalurkan kepada bekalan bahan, perkhidmatan pembersihan dan keselamatan, pembaikan dan penyelenggaraan serta telekomunikasi dan utiliti. Penerima terbesar daripada peruntukan ini ialah KPM dan KKM terutamanya diperuntukkan bagi penyelenggaraan sekitar 10,000 sekolah dan 150 hospital di seluruh negara.

Sementara itu, sebanyak RM15.8 bilion diperuntukkan untuk *pemberian kepada badan berkanun*. Sebahagian besar daripada dana ini iaitu 69.4% daripada keseluruhan peruntukan disediakan untuk 20 universiti awam dan sembilan hospital pengajar. Selain itu,

RM9.8 bilion daripada jumlah OE diperuntukkan untuk *pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.7 bilion ialah pemberian yang termaktub dalam perlembagaan iaitu Sabah dan Sarawak terus menjadi penerima utama.

Sejumlah RM81 bilion peruntukan **DE** telah disediakan pada 2026 bagi membiayai pelaksanaan sekitar 2,300 program dan projek baharu dalam tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13). Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar iaitu 45.4% diikuti oleh sosial (35.3%), keselamatan (14.5%) dan pentadbiran am (4.8%). Kerajaan komited menyediakan sumber yang mencukupi sekurang-kurangnya 3% daripada KDNK seperti yang diperuntukkan dalam Akta 850 bagi menyokong pembangunan infrastruktur dengan keutamaan diberikan kepada inisiatif yang menjana impak tinggi kepada ekonomi, mengekalkan momentum pertumbuhan dan meningkatkan kualiti hidup.

Sejumlah RM36.8 bilion diperuntukkan untuk sektor ekonomi bagi meningkatkan daya saing negara melalui peluasan infrastruktur strategik dan sokongan inisiatif pelaburan. Peruntukan terbesar disalurkan kepada subsektor pengangkutan, alam sekitar serta perdagangan dan industri. Peruntukan subsektor pengangkutan yang merangkumi 47.7% daripada sektor atau RM17.5 bilion akan menumpukan kepada peningkatan ketersambungan di seluruh negara dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Projek baharu termasuk pembinaan jalan dari Kalabakan ke Simanggaris yang menghubungkan sempadan Malaysia dan Indonesia; pembangunan Pusat Kawalan Trafik Udara di Kota Kinabalu, Sabah; serta pembinaan dua persimpangan bertingkat di Lebuhraya Utara Selatan di Nilai, Negeri Sembilan dan Kerian, Perak.

Sebanyak RM3.8 bilion diperuntukkan untuk subsektor alam sekitar bagi menyokong agenda pemeliharaan alam semula jadi dan perubahan iklim. Peruntukan ini meliputi projek tebatan banjir antaranya di

Kubang Pasu, Kedah; Kuala Nerus, Terengganu; Segamat, Johor; dan Seremban, Negeri Sembilan serta pembinaan sistem saliran baharu di Kota Bharu, Kelantan. Kerajaan akan melaksanakan Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir di seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur, Johor dan Kelantan di samping pembinaan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara di Kuala Lumpur bagi menambah baik perlindungan daripada risiko banjir.

Sejumlah RM3 bilion diperuntukkan kepada subsektor perdagangan dan industri pada 2026 bagi memacu pertumbuhan perindustrian masa hadapan dan memajukan peralihan negara ke arah ekonomi mampan. Peruntukan ini akan menyokong inisiatif strategik termasuk Projek Flagship di Zon Khas Pelaburan Pelancongan, Program Pertumbuhan Pembiayaan PROSPER dan Dana Projek Berimpak Tinggi. Selain itu, sumber kewangan akan disalurkan bagi pembangunan infrastruktur asas di Taman Perindustrian Halal Perak serta industri hab logistik dan gudang kargo udara di Pulau Pinang. Secara keseluruhan, usaha tersebut bertujuan menarik pelaburan berkualiti, merangsang pembangunan ekonomi dan memperkukuh daya saing Malaysia dalam industri bernilai tambah tinggi.

Sejumlah RM28.6 bilion diperuntukkan untuk *sektor sosial* mewakili peningkatan 2.9% berbanding RM27.8 bilion pada 2025. Subsektor pelajaran dan latihan terus menerima bahagian terbesar iaitu RM14.5 bilion bertujuan meningkatkan kemudahan pembelajaran, memperkukuh infrastruktur ICT bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar serta memodenkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Pusat Pembelajaran Imersif dan Kemajuan Teknologi Pertanian untuk Keterjaminan Makanan di Universiti Putra Malaysia menerima peruntukan tertinggi di bawah subsektor ini.

Peruntukan sebanyak RM7 bilion disediakan untuk subsektor kesihatan bagi meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan, menaik

taraf peralatan perubatan dan bukan perubatan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan. Peruntukan akan disalurkan kepada inisiatif utama antaranya pembinaan Pusat Kanser Wilayah Utara di Kedah dan pembangunan klinik luar bandar baharu khususnya di Mukah, Sarawak; Kubang Semang, Pulau Pinang dan Nabawan, Sabah.

Subsektor perumahan diperuntukkan RM1.5 bilion untuk membiayai projek sedia ada dan baharu termasuk projek di bawah Program Bantuan Rumah dan Program Rumah Mesra Rakyat. Inisiatif tersebut dirangka untuk menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, merapatkan jurang perumahan antara bandar dan luar bandar serta meningkatkan taraf hidup.

*Sektor keselamatan* akan menerima peruntukan sebanyak RM11.7 bilion yang merangkumi RM8 bilion untuk subsektor pertahanan dan RM3.7 bilion untuk subsektor keselamatan dalam negeri bertujuan memperkukuh pertahanan negara dan melindungi keselamatan awam. Sebahagian besar daripada peruntukan ini bagi membiayai perolehan aset pertahanan dan keselamatan serta pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak yang baharu. Selain itu, pembangunan kuarters baharu akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk terus mengutamakan kebajikan anggota keselamatan dan keluarga.

Selaras dengan usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam, sejumlah RM3.9 bilion diperuntukkan kepada *sektor pentadbiran am*. Peruntukan ini akan menyokong penambahbaikan sistem ICT di seluruh jabatan kerajaan sejajar dengan agenda transformasi digital Kerajaan. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk kerja baik pulih dan penyelenggaraan bangunan serta fasiliti kerajaan bagi menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif untuk penjawat awam.

## Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Sehingga akhir Disember 2024, jumlah keseluruhan baki Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan<sup>1</sup> di bawah Tabung Pembangunan berjumlah RM40.6 bilion atau 2.1% daripada KDNK. Pinjaman kepada syarikat merupakan bahagian terbesar daripada pinjaman ini berjumlah RM25.9 bilion diikuti oleh kerajaan negeri (RM9.4 bilion), Badan Berkanun Persekutuan (RM5.2 bilion) serta organisasi lain dan koperasi (RM51.3 juta).

Penyaluran pinjaman melalui DE pada 2025 dianggarkan berjumlah RM1.4 bilion. Kerajaan negeri kekal sebagai penerima terbesar dengan jumlah sebanyak RM1 bilion diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan (RM248 juta), syarikat (RM156 juta) serta organisasi lain dan koperasi (RM3 juta). Walau bagaimanapun, Kerajaan dijangka menerima bayaran balik pinjaman sebanyak RM1.3 bilion. Daripada jumlah ini, bayaran balik tertinggi dijangka diterima daripada syarikat sebanyak RM707 juta diikuti oleh kerajaan negeri sebanyak RM510 juta. Baki bayaran balik dijangka daripada Badan Berkanun Persekutuan (RM75 juta) serta organisasi lain dan koperasi (RM29 juta).

Pada 2026, Kerajaan akan menyediakan jumlah keseluruhan pinjaman sebanyak RM1 bilion melalui DE bagi menambah baik infrastruktur dan kualiti hidup rakyat. Kerajaan negeri terus kekal sebagai penerima terbesar berjumlah

RM475 juta diikuti oleh syarikat (RM405 juta), Badan Berkanun Persekutuan (RM135 juta) serta organisasi lain dan koperasi (RM4 juta). Sementara itu, bayaran balik pinjaman diunjurkan berjumlah RM1.5 bilion. Daripada jumlah ini, bayaran balik tertinggi dijangka diterima daripada syarikat sebanyak RM851 juta diikuti oleh kerajaan negeri sebanyak RM527 juta. Baki bayaran balik dijangka daripada Badan Berkanun Persekutuan (RM116 juta) serta organisasi lain dan koperasi (RM6 juta).

## Kesimpulan

Strategi pandang ke hadapan yang diguna pakai dalam perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mengimbangi disiplin fiskal dan pelaburan berimpak tinggi selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI. Pengukuhan komitmen terhadap konsolidasi fiskal membolehkan Kerajaan mewujudkan ruang fiskal bagi menyalurkan dana awam secara strategik kepada bidang keutamaan. Langkah ini termasuk memperkukuh perlindungan sosial, mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan membangunkan infrastruktur kritikal. Pembaharuan tadbir urus yang kukuh melalui pelbagai akta menyokong perancangan fiskal ke arah lebih telus, berpandukan data dan berpaksikan perbelanjaan yang berorientasikan rakyat. Pendekatan menyeluruh ini menjadi pemangkin untuk meningkatkan daya tahan negara, kesaksamaan dan kemakmuran jangka masa panjang.

<sup>1</sup> Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada Aset Kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, Badan Berkanun Persekutuan, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.


## SISIPAN

**BUDI MADANI: Mengimbangi Reformasi Fiskal dan Perlindungan Sosial****Pengenalan**

Kerajaan sedang melaksanakan reformasi strategik bagi merasionalisasi subsidi ke arah rangka kerja dasar subsidi bahan api yang lebih bersasar dan mampan dari sudut fiskal. Pada 2024, Kerajaan telah melaksanakan program rasionalisasi subsidi diesel bagi menangani ketirisan dan pembaziran peruntukan subsidi serta membendung aktiviti penyeludupan. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Program BUDI MADANI bagi menyediakan dan menyelaras bantuan kepada pengguna diesel secara bersasar. Inisiatif ini mencerminkan peralihan strategik daripada subsidi pukal yang telah menyebabkan ketidakcekapan pengurusan fiskal dan ketirisan ekonomi ke arah pendekatan yang lebih mampan.

**Rasional bagi Reformasi Subsidi Bahan Api**

Harga pam bagi bahan api bersubsidi di Malaysia yang merupakan antara terendah di rantau ini telah mewujudkan jurang harga seperti dalam Rajah 1. Perbezaan harga ini mendorong penyalahgunaan secara meluas apabila diesel bersubsidi diseleweng untuk aktiviti komersial secara tidak sah dan diseludup merentasi sempadan sehingga mengakibatkan herotan ekonomi dan kos fiskal yang ketara. Walaupun pendaftaran kereta diesel telah meningkat secara sederhana sebanyak 15% antara 2019 hingga 2023, namun penggunaan diesel bersubsidi melonjak kepada 73% yang mengakibatkan perbelanjaan subsidi Kerajaan meningkat hampir sepuluh kali ganda. Mekanisme subsidi secara pukal terbukti tidak mampan secara fiskal sekali gus menunjukkan terdapat keperluan mendesak untuk rangka kerja dasar yang lebih berstruktur. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi telah menunjukkan hasil yang positif. Aktiviti penyeludupan diesel telah berkurang dengan ketara daripada 992 kes pada 2023 kepada 655 kes pada 2024 dan terus berkurang kepada 261 kes sehingga Julai 2025.

**RAJAH 1. Perbandingan Harga Diesel antara Negara sehingga 20 Mei 2024**

Sumber: <https://www.globalpetrolprices.com/>


Pada 2023, perbelanjaan subsidi bahan api berjumlah RM36 bilion iaitu melebihi peruntukan Kementerian Kesihatan sekali gus memberikan tekanan besar terhadap kewangan awam. Kos yang signifikan ini membataskan keupayaan Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor utama seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur. Selain itu, subsidi pukal menunjukkan ketidakseimbangan penyaluran manfaat kepada isi rumah berpendapatan tinggi yang menggunakan lebih banyak bahan api. Inisiatif rasionalisasi subsidi termasuk Program BUDI MADANI bertujuan untuk memulihkan ketidakseimbangan ini dengan menyusun semula keutamaan sumber Kerajaan dan memastikan bantuan disalurkan kepada kumpulan sasar.

**Penerima BUDI MADANI**

BUDI MADANI bukan satu penyelesaian seragam untuk semua tetapi program pelbagai dimensi yang merangkumi tiga kategori penerima. Jumlah keseluruhan penerima sehingga Ogos 2025 adalah seperti dalam Rajah 2 dengan perincian bagi setiap kategori seperti berikut:

- **BUDI Individu:** Menyediakan bantuan tunai bulanan secara langsung sebanyak RM200 kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang memenuhi syarat. Jumlah ini dikira berdasarkan purata penggunaan diesel harian bagi memastikan kewangan pengguna tidak terbeban akibat pelarasan harga pasaran.
- **BUDI Agri-Komoditi:** Menyasarkan petani, penternak dan pengusaha akuakultur berskala kecil serta pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 disalurkan kepada penerima dengan mengambil kira cabaran sektor ini serta menyokong kesinambungan pengeluaran pertanian.
- **BUDI MySubsidi Diesel:** Kuota diesel bersubsidi diperuntukkan melalui kad flit kepada pengendali pengangkutan darat dan syarikat logistik terpilih. Langkah ini dapat membantu menstabilkan harga pengguna dengan mengelakkan peningkatan ketara kos pengangkutan dan operasi perniagaan.

**RAJAH 2.** Penerima BUDI MADANI sehingga Ogos 2025



Nota: Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

### **Impak Fiskal dan Cabaran Pelaksanaan**

Peralihan kepada program subsidi bersasar telah memberikan manfaat kewangan yang ketara kepada Kerajaan. Walaupun jangkakan awal jumlah penjimatan tahunan daripada rasionalisasi subsidi diesel diunjurkan sebanyak RM4 bilion, namun penjimatan sebenar adalah jauh lebih tinggi. Sejak pelaksanaannya pada Jun 2024, program ini telah menjana penjimatan melebihi RM7 bilion bagi tempoh setahun pelaksanaan sekali gus mengurangkan tekanan fiskal dan mewujudkan ruang bagi perbelanjaan pembangunan mengikut keutamaan.

Program ini mengguna pakai pendekatan pendaftaran sendiri secara dalam talian melalui portal sehenti dalaman BUDI MADANI bagi membolehkan pengesahan dan kelulusan masa nyata. Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko ralat pemasukan dan penyisihan di samping membolehkan pengemaskinian status penerima secara berterusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran bagi pemohon yang mempunyai akses internet yang terhad dan tahap literasi digital yang rendah. Bagi menangani isu tersebut, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif capaian termasuk penyediaan kaunter fizikal di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan pusat panggilan khidmat pelanggan yang khusus. Bagi permohonan yang ditolak, mekanisme rayuan yang disokong melalui semakan pangkalan data utama bulanan automatik disediakan untuk memastikan kelayakan penerima sentiasa dikemas kini.


Pencegahan penipuan adalah satu lagi cabaran kritikal yang merangkumi risiko seperti tuntutan palsu, pendaftaran bertindih dan skim penipuan terancang. Bagi menangani isu tersebut serta mengekalkan integriti program, portal BUDI MADANI menggabungkan proses pengesahan pengguna yang ketat dan rujukan silang perincian maklumat pemohon dengan pelbagai pangkalan data Kerajaan. Portal ini juga berfungsi sebagai hab pusat pemprosesan bayaran dan pengurusan program di samping memastikan keselamatan dan kerahsiaan data pengguna.

### **Penilaian Strategi Komunikasi Program BUDI MADANI**


Kerajaan telah melaksanakan penilaian ke atas keberkesanan inisiatif BUDI MADANI melalui kaji selidik yang dijalankan oleh Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia yang melibatkan lebih daripada 17,000 responden. Penilaian ini bertujuan mengenal pasti tanggapan penerima terhadap keberkesanan komunikasi Kerajaan dan kebolehcapaian program. Sampel kaji selidik ini tertumpu terutamanya di Selangor dan Johor yang merangkumi sebahagian besar jumlah responden manakala selebihnya melibatkan negeri lain di Semenanjung Malaysia. Profil responden mengikut negeri dan sektor seperti dalam Rajah 3.

Berdasarkan hasil kaji selidik, lebih daripada 60% responden menyatakan kepuasan terhadap strategi komunikasi Kerajaan melalui usaha penyebaran maklumat. Tahap kepuasan dalam kalangan responden perniagaan adalah sebanyak 65% manakala 64% bagi responden isi rumah seperti dalam Rajah 4. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan strategi Kerajaan dalam menyampaikan objektif program ini.

**RAJAH 3.** Profil Responden mengikut Negeri dan Sektor



**RAJAH 4.** Tahap Keuasan terhadap Strategi Komunikasi Kerajaan



**Iktibar dan Templat untuk Pembaharuan Masa Hadapan**

Program BUDI MADANI menyediakan maklumat yang bernilai dalam membentuk reformasi dasar pada masa hadapan dengan beberapa pengajaran utama:

- **Libat urus menyeluruh dengan pemegang taruh:** Kejayaan program ini mencerminkan usaha bersepadu pelbagai kementerian disokong oleh rundingan meluas dengan pemegang taruh yang merupakan elemen penting dalam membina pemahaman dan penerimaan.

- **Memanfaatkan teknologi:** Penggunaan teknologi yang meluas di sepanjang proses permohonan hingga penyaluran bantuan telah melancarkan pelaksanaan Program BUDI MADANI. Selain itu, sistem yang dibangunkan secara dalaman memudahkan pelbagai proses merentas kementerian serta memastikan keselamatan data dan mengekalkan kos operasi yang rendah.
- **Langkah ke arah kemampanan fiskal:** Reformasi fiskal melalui Program BUDI MADANI menunjukkan pendekatan bersasar tanpa menjejaskan perlindungan sosial dan menetapkan contoh untuk reformasi subsidi pada masa hadapan.
- **Penyampaian mengenai keberhasilan dasar yang jelas:** Manfaat reformasi fiskal perlu dihebahkan kepada orang ramai oleh Kerajaan dengan berkesan apabila dilaksanakan. Penggunaan platform berimpak tinggi, terutamanya media sosial, membolehkan mesej utama disampaikan dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan pemahaman rakyat.

### Pengenalan BUDI95

Hasil daripada kejayaan pelaksanaan BUDI MADANI, Kerajaan telah memperkenalkan BUDI95 iaitu skim subsidi bersasar bagi RON95 yang bermula pada 27 September 2025. Di bawah program ini, warganegara Malaysia yang memiliki lesen memandu yang sah layak membeli RON95 pada harga subsidi RM1.99 seliter, manakala bukan warganegara perlu membayar pada harga tanpa subsidi. Setiap warganegara diperuntukkan kuota bulanan sebanyak 300 liter dengan pengecualian kepada pemandu e-hailing yang boleh memohon kuota tambahan bagi menjamin kelangsungan mata pencarian mereka.

Mekanisme subsidi ini diintegrasikan sepenuhnya dengan pengesahan MyKad di stesen minyak serta disokong dengan kemudahan digital melalui pelbagai aplikasi mudah alih dan e-wallet. Bagi memastikan pelaksanaan yang lancar, pengenalan program ini dijalankan secara berfasa bermula dengan akses awal kepada 300,000 anggota Angkatan Tentera dan Polis pada 27 September 2025 diikuti penerima STR daripada kumpulan B40 pada 28 September 2025 sebelum diperluaskan kepada 16 juta rakyat Malaysia yang layak di seluruh negara pada 30 September 2025. BUDI95 dijangka menjana penjimatan yang akan disalurkan bagi memperkukuh bantuan sosial bersasar termasuk STR dan SARA sekali gus memastikan sumber fiskal dapat dimanfaatkan dengan lebih berkesan untuk golongan rentan.

### Kesimpulan

Program rasionalisasi subsidi diesel menandakan pembaharuan berani Malaysia ke arah pengurusan fiskal yang lebih bertanggungjawab. Peralihan daripada subsidi pukal kepada rangka kerja bersasar telah membolehkan Kerajaan menangani herotan ekonomi yang telah lama wujud di samping melindungi kebajikan rakyat melalui Program BUDI MADANI. Inisiatif tersebut telah membuahkan hasil yang positif termasuk pengurangan ketirisan, peningkatan kecekapan sumber dan penjimatan fiskal. Rangka kerja dasar yang mantap, pendekatan yang sistematik dan komunikasi yang berkesan membolehkan Kerajaan melaksanakan program rasionalisasi subsidi secara efektif demi memperkukuh kemampanan fiskal dan memperluas perlindungan sosial.

**Rujukan**

Arze Del Granado, F. J., Coady, D., & Gillingham, R. (2012). The Unequal Benefits of Fuel Subsidies: A Review of Evidence for Developing Countries. *World Development*, 40(11), 2234–2248. <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2012.05.005>

Inchauste, G., & Victor, D. G. (2017). The political economy of energy subsidy reform (English). *Direction in Development*. World Bank Group. <http://documents.worldbank.org/curated/en/745311489054655283>


Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022* [Data set]. Dicapai 0826,2025, daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=3254164>

Parlimen Malaysia. (2025, Julai 31). *Jawapan Lisan Mesyuarat Kedua: Soalan Nombor 27, Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas 2025*. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR31072025.pdf>


Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia. (2025). *Kajian Penerima Manfaat BUDI MADANI 2025* [Data mentah yang belum diterbitkan]. Kementerian Kewangan Malaysia.

United Nations Environment Programme. (2003). *Energy subsidies: Lessons learned in assessing their impact and designing policy reforms* (1st ed.). <https://www.unep.org/resources/report/energy-subsidies-lessons-learned-assessing-their-impact-and-designing-policy>


**RAJAH 3.1.** Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor




**RAJAH 3.2.** Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi




**RAJAH 3.3.** Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor




**RAJAH 3.4.** Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen



**RAJAH 3.5.** Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor



**RAJAH 3.6.** Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang<sup>3</sup>



<sup>1</sup> Anggaran disemak  
<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026  
<sup>3</sup> Jumlah terkumpul sehingga akhir 2024

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



## SEKSYEN 4

# Pengurusan Hutang

### **41 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **41 PEMBIAYAAN**

Rencana - Melindungi Masa Hadapan:  
Strategi Pinjaman Kerajaan dalam Memacu  
Pembangunan Negara

---

### **56 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN**

---

### **59 HUTANG LUAR MALAYSIA**

---

### **60 HUTANG SEKTOR AWAM**

Rencana - Analisis Kemampanan Hutang

---

### **70 TINJAUAN 2026**

---

### **70 KESIMPULAN**

---



## SEKSYEN 4

# Pengurusan Hutang

## Perspektif Keseluruhan

Paras hutang awam global semasa prapandemik COVID-19 adalah sekitar USD75 trilion pada 2019 iaitu 84.1% daripada KDNK dunia. Nisbah ini melonjak kepada 99.8% pada 2020 apabila semua negara melaksanakan langkah sokongan fiskal secara meluas sebelum berkurang kepada 96% pada 2021. Pengurangan tersebut disokong oleh pertumbuhan pemulihan yang kukuh, inflasi yang tinggi dan konsolidasi fiskal. Pada 2024, nisbah hutang awam ini kekal stabil sekitar 93% daripada KDNK dunia meskipun jumlah keseluruhan hutang awam mencecah USD102 trilion.<sup>1</sup> Walaupun nisbah ini kembali stabil, namun kerajaan di seluruh dunia terus berhadapan dengan tekanan fiskal yang semakin meningkat akibat peningkatan mendadak bayaran khidmat hutang (DSC) daripada pinjaman berkaitan pandemik. Di samping itu, kenaikan kadar faedah, ketegangan geopolitik dan keperluan pelaburan besar dalam menangani isu berkaitan iklim turut meningkatkan paras hutang dan risiko kesukaran membayar hutang.

Malaysia menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kemampuan fiskal jangka masa panjang di bawah kerangka Ekonomi MADANI melalui pengurusan hutang berhemat, strategi pembiayaan yang efektif dan pemeraksanaan kebertanggungjawaban fiskal. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3% daripada KDNK dalam tempoh jangka masa sederhana, memastikan

paras hutang kekal di bawah had statutori dan pinjaman bagi perbelanjaan pembangunan digunakan untuk menyokong pelaburan produktif seperti termaktub dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Sehubungan itu, pendirian fiskal dan strategi pembiayaan akan dirangka selaras dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) bagi mencapai objektif fiskal dan keutamaan ekonomi negara.

## Pembiayaan

Pinjaman Kerajaan Persekutuan kekal sebagai instrumen fiskal utama untuk membiayai defisit dan membiayai semula hutang matang. Pada 2025, jumlah pinjaman kasar dianggar terus berkurang kepada RM184 bilion atau 9.1% daripada KDNK (2024: RM197.5 bilion; 10.2% daripada KDNK) yang diperoleh sepenuhnya menerusi pasaran modal domestik selaras dengan usaha konsolidasi fiskal. Daripada jumlah ini, RM106.8 bilion diperuntukkan untuk bayaran balik hutang yang akan matang manakala RM76.7 bilion untuk pembiayaan defisit. Bayaran balik hutang yang akan matang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM46.5 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM37 bilion, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) RM5 bilion, Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) RM13.5 bilion dan penebusan luar pesisir RM4.8 bilion termasuk sukuk global USD1 bilion.

<sup>1</sup> Rujuk kepada *A World of Debt 2025* oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD).

Kerajaan dapat memenuhi keperluan pembiayaan dan aliran tunai dengan cekap menerusi terbitan instrumen hutang dalam denominasi ringgit disokong oleh pasaran modal hutang domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi. Pada 2025, jumlah terbitan MGS dianggarkan sebanyak RM82.5 bilion atau 44.9% daripada jumlah pinjaman kasar tahunan dan MGII sebanyak RM88 bilion atau 47.8%. Sementara itu, MTB dan MITB dijangka berkurang kepada RM4.5 bilion (2.4%) dan RM9 bilion (4.9%).

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025, RM126 bilion atau 68.5% daripada jumlah pinjaman kasar tahunan telah diterbitkan

**JADUAL 4.1.** *Pembiayaan Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2025*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2024	2025 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>2</sup>
<b>Pinjaman kasar</b>	<b>197,470</b>	<b>184,000</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Dalam negeri</b>	<b>197,470</b>	<b>184,000</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
MGS	87,500	82,500	44.3	44.9
MGII	87,500	88,000	44.3	47.8
MTB	4,838	4,500	2.5	2.4
MITB	17,632	9,000	8.9	4.9
<b>Luar pesisir</b>	-	-	-	-
Pinjaman pasaran	-	-	-	-
Pinjaman projek	-	-	-	-
<b>Bayaran balik</b>	<b>120,624</b>	<b>106,777</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Dalam negeri	120,397	101,977	99.8	95.5
Luar pesisir	227	4,800	0.2	4.5
<b>Pinjaman bersih</b>	<b>76,846</b>	<b>77,223</b>	-	-
Dalam negeri	77,073	82,023	-	-
Luar pesisir	-227	-4,800	-	-
<b>Perubahan aset<sup>1</sup></b>	<b>2,320</b>	<b>-509</b>	-	-
<b>Jumlah pembiayaan defisit</b>	<b>79,166</b>	<b>76,714</b>	-	-

<sup>1</sup> (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

<sup>2</sup> Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

melalui 25 terbitan MGS dan MGII berjumlah RM119.5 bilion serta enam terbitan MTB dan MITB berjumlah RM6.5 bilion. Terimaan pinjaman tersebut telah digunakan bagi bayaran balik hutang matang berjumlah RM50.8 bilion manakala baki RM75.2 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai defisit dan hutang yang akan matang dalam tempoh terdekat.

Kerajaan menggunakan Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST) untuk penerbitan, pentenderan dan peruntukan sekuriti kerajaan bagi memastikan ketelusan dan keadilan. Pada 2025, dianggarkan 82.4% daripada jumlah pinjaman diperoleh melalui lelongan awam secara bidaan kompetitif manakala baki pinjaman diperoleh menerusi tawaran persendirian terutamanya melibatkan terbitan jangka panjang selaras dengan keutamaan pelabur strategik. Selain itu, RM90 bilion dijangka diterbitkan melalui pembukaan semula sembilan kertas hutang sedia ada manakala RM80.5 bilion melalui tujuh terbitan baharu. Pendekatan ini selaras dengan usaha mengurangkan bilangan kertas hutang terkumpul sekali gus meningkatkan kebolehdagangan sekuriti kerajaan di samping mewujudkan penanda aras baharu dalam persekitaran kadar faedah yang lebih rendah.

Profil kematangan hutang yang terurus bukan sahaja berupaya mengawal risiko pembiayaan semula bahkan memenuhi pelbagai keperluan pelabur. Sehubungan itu, Kerajaan menerbitkan pelbagai kertas hutang merangkumi terbitan jangka pendek, sederhana dan panjang.<sup>2</sup> Penerbitan kertas hutang jangka pendek dan jangka sederhana dianggarkan berkurang kepada 7.3% dan 32.6% daripada jumlah pinjaman kasar (2024: 11.4%; 36.9%). Sementara itu, penerbitan kertas hutang jangka panjang dijangka meningkat kepada 60.1% pada 2025 (2024: 51.7%) antaranya disebabkan oleh spread kadar hasil antara

<sup>2</sup> Jangka pendek merujuk kepada kurang dari setahun, jangka sederhana merujuk kepada 3- hingga 7-tahun dan jangka panjang merujuk kepada 10-tahun ke atas.

tempoh matang yang semakin mengecil. Justeru, purata wajaran tempoh matang bagi terbitan keseluruhan 2025 dianggarkan pada 12.6 tahun (2024: 11.6 tahun) sejajar dengan strategi pengurusan hutang Kerajaan untuk mengimbangi kos pembiayaan dan mengurus profil kematangan hutang di samping mengurangkan risiko pembiayaan semula.

Pada September 2025, Rizab Persekutuan AS (Fed) telah mengurangkan Federal Funds Rate (FFR) sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 4.00% hingga 4.25% yang merupakan pengurangan FFR pertama pada tahun ini. Susulan itu, perubahan jangkaan terhadap keputusan Fed di samping kecenderungan menghindari peningkatan risiko berikutan rundingan perdagangan dan ketegangan geopolitik telah mendorong pelabur menyesuaikan portfolio. Pada peringkat domestik, Jawatankuasa Dasar Monetari mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dengan kadar 2.75% selepas pemotongan 25 bps pada Julai 2025. Langkah ini bertujuan bagi melindungi trajektori pertumbuhan Malaysia ketika ketidakpastian luaran dan prospek inflasi yang sederhana. Faktor tersebut secara kolektif menyokong aliran masuk pelaburan bukan pemastautin sebanyak RM15.9 bilion terhadap sekuriti Kerajaan Persekutuan sepanjang lapan bulan pertama 2025 seterusnya menyumbang kepada penurunan kadar hasil bon tempatan. Aliran masuk bersih yang berterusan dan kadar hasil yang lebih rendah mencerminkan keyakinan kukuh pelabur terhadap kedudukan fiskal serta kestabilan makroekonomi Malaysia.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2025, kadar hasil penanda aras MGS untuk tempoh matang 3- hingga 10-tahun berkurang antara 43 hingga 54 bps manakala kadar hasil MGII dengan tempoh matang yang sama berkurang antara 31 hingga 49 bps. Trend pengurangan

kadar hasil tersebut menunjukkan permintaan pasaran yang kukuh terhadap kertas hutang penanda aras yang didorong oleh persekitaran inflasi yang rendah dan jangkaan terhadap pelonggaran dasar monetari. Oleh itu, purata wajaran kos pinjaman berkurang kepada 3.79% dalam tempoh tersebut (Januari – Ogos 2024: 3.90%).

Kerajaan menerima bidaan berjumlah RM267.6 bilion bagi terbitan jangka sederhana dan panjang iaitu sebanyak RM98.5 bilion bagi tempoh lapan bulan pertama 2025. Bidaan dengan nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) yang menggalakkan iaitu 2.72 kali (Januari – Ogos 2024: 2.36 kali) mencerminkan permintaan pelabur yang tinggi terhadap sekuriti kerajaan. Permintaan yang lebih kukuh telah dicatatkan terhadap sekuriti jangka panjang dengan nisbah BTC 2.73 kali berbanding 2.70 kali bagi instrumen jangka sederhana (Januari – Ogos 2024: 2.26 kali; 2.45 kali) disokong oleh penyertaan pelabur yang luas.

Malaysia mengekalkan kedudukan kukuh dalam pasaran sukuk global dengan mencatatkan sebanyak 32.1% daripada jumlah sukuk global terkumpul sehingga Ogos 2025. Jumlah terbitan instrumen patuh Syariah yang tinggi menandakan komitmen Kerajaan terhadap pasaran modal Islam Malaysia. Sehubungan itu, terbitan patuh Syariah yang terdiri daripada MGII dan MITB dijangka mencapai 52.7% daripada jumlah pinjaman kasar pada 2025. Peningkatan terbitan instrumen tersebut diterima baik oleh pasaran yang diperkukuh oleh asas pelabur lebih luas dalam aset patuh Syariah. Permintaan menggalakkan dibuktikan oleh BTC MGII yang lebih tinggi iaitu 2.89 kali berbanding 2.52 kali bagi MGS sepanjang lapan bulan pertama 2025 (Januari – Ogos 2024: 2.64 kali; 2.09 kali).

## RENCANA

## Melindungi Masa Hadapan: Strategi Pinjaman Kerajaan dalam Memacu Pembangunan Negara

---

### Pengenalan

Pinjaman kerajaan merupakan antara instrumen fiskal bagi merangsang pembangunan ekonomi yang membolehkan sesebuah negara membiayai pembangunan infrastruktur awam serta pelaburan dalam sektor strategik sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memacu kemajuan negara dalam jangka masa panjang. Instrumen fiskal ini juga membantu kerajaan mendapatkan sumber kewangan yang diperlukan dan membolehkan kerajaan merapatkan jurang pembiayaan untuk menampung keutamaan segera terutamanya semasa krisis yang tidak dijangka di samping memenuhi aspirasi jangka masa panjang. Amalan ini lazim dilaksanakan sama ada di negara maju mahupun pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun sebagai usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.


Di Malaysia, pinjaman kerajaan memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan negara terutamanya inisiatif di bawah rancangan lima tahun. Malaysia berada dalam kedudukan defisit fiskal kecuali antara 1993 hingga 1997. Situasi ini memerlukan Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek pembangunan strategik di samping memastikan kestabilan makroekonomi. Pengurusan belanjawan adalah berpandukan rangka kerja tatakelola yang jelas serta dasar fiskal yang ketat dengan menetapkan had hutang dan menghadkan pinjaman hanya untuk tujuan pembangunan. Pendekatan ini menyokong amalan pengurusan hutang berhemat sekali gus melindungi kesejahteraan generasi akan datang.

### Ciri Penting Strategi Pembiayaan di Malaysia

#### A. Perundangan

Hutang dan pembiayaan kerajaan adalah tertakluk di bawah empat perundangan utama iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]. Akta tersebut menetapkan bahawa Kerajaan hanya boleh meminjam untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan pembiayaan semula hutang sedia ada. Selain itu, melalui warta di bawah setiap Akta, had hutang ditentukan dengan jelas bagi memastikan pengurusan hutang kekal mampan seperti dalam Rajah 1. Sementara itu, perundangan dan pekeliling pentadbiran yang berkaitan termasuk penggubalan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 memperkukuh disiplin serta kawalan perbelanjaan di samping memastikan pelaksanaan program dan projek dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tepat pada masanya dalam merencanakan pembangunan negara.

RAJAH 1. Perundangan Hutang Kerajaan Persekutuan




Nota: MGS: Sekuriti Kerajaan Malaysia; MGII: Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; MITB: Bil Perbendaharaan Islam Malaysia; MTB: Bil Perbendaharaan Malaysia; Pinjaman pasaran ialah pinjaman yang diperolehi daripada pasaran global; Pinjaman projek meliputi pinjaman yang diperolehi daripada institusi bilateral dan multilateral untuk projek atau tujuan tertentu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Dalam usaha menangani Krisis Kewangan Asia 1997 – 1998, Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi memastikan kemampuan ekonomi terjamin. Justeru, perbelanjaan pembangunan perlu dibiayai menggunakan lebih akaun semasa<sup>1</sup> dan pinjaman. Namun begitu, lebih akaun semasa mengecil berikutan Krisis Kewangan Global 2008 – 2009 (GFC) seterusnya menyusut lebih ketara semasa pandemik COVID-19 seperti dalam Rajah 2. Keadaan ini menyebabkan peningkatan pinjaman bagi menampung keperluan kewangan Kerajaan dalam mengurus krisis dan merangsang ekonomi. Walau bagaimanapun, Kerajaan terus menitikberatkan dasar hutang dan pinjaman yang berhemat.

RAJAH 2. Sumber Pembiayaan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan, 2000 – 2024




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

<sup>1</sup> Lebihan akaun semasa merujuk kepada lebihan hasil selepas ditolak perbelanjaan operasi.

Pandemik COVID-19 memerlukan Kerajaan bertindak pantas dengan menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-langkah Sementara Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Akta ini dipinda pada 2021<sup>2</sup> bagi meningkatkan had statutori hutang daripada 60% kepada 65% daripada KDNK. Di bawah Akta ini, Kerajaan dibenarkan membuat pinjaman tambahan berjumlah sehingga RM110 bilion (2020 – 2022) bagi tujuan pelaksanaan beberapa pakej rangsangan. Berikutan langkah ini, pinjaman kasar telah mencecah 14% daripada KDNK pada 2021 seperti dalam Rajah 3. Carta turut menunjukkan bahawa lebih separuh daripada jumlah pinjaman digunakan bagi tujuan pembayaran balik prinsipal manakala baki iaitu pinjaman bersih untuk membiayai defisit.

**RAJAH 3. Pinjaman Kerajaan Persekutuan, 2000 – 2024**



Nota: Pinjaman bersih = Pinjaman kasar – pembayaran balik prinsipal  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan telah memperkukuh disiplin fiskal melalui pengenalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] sebagai sebahagian daripada pembaharuan institusi pascapandemik. Akta ini menetapkan sasaran pengurangan defisit secara beransur-ansur kepada 3% dan ke bawah serta paras hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana. Di samping itu, Akta 850 menambah baik amalan kebertanggungjawaban dengan menghadkan paras hutang dan memastikan pengurusan kewangan negara lebih telus. Perundangan ini membolehkan rangka kerja fiskal yang mempunyai kredibiliti dan jelas seterusnya meningkatkan keyakinan pasaran dan meminimumkan pendedahan terhadap risiko. Dalam tempoh setahun selepas penggubalan Akta serta disokong oleh usaha konsolidasi fiskal yang berterusan, pinjaman kasar telah berkurang kepada sekitar 10% daripada KDNK pada akhir 2024. Kerajaan akan terus menguruskan hutang secara bertanggungjawab bagi memastikan nisbah hutang kepada KDNK mematuhi had statutori dan jumlah bayaran khidmat hutang kekal terkawal.

<sup>2</sup> Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 [Akta A1635].


## B. Instrumen dan Komposisi Pembiayaan

Dasar hutang yang berkesan perlu dipacu oleh amalan pinjaman yang berhemat, pemilihan sumber dana yang bersesuaian dan tahap risiko yang terkawal agar hutang terus mampan dan mampu dibiayai. Pembiayaan Kerajaan diperoleh daripada dua saluran utama iaitu pasaran domestik dan luar pesisir. Gabungan strategik ini memastikan portfolio hutang yang terurus serta mampan dalam jangka masa panjang.

### *Instrumen Domestik dan Luar Pesisir*

Pasaran domestik Malaysia yang kukuh dan berkecairan tinggi membolehkan Kerajaan mendapatkan pinjaman melalui instrumen konvensional dan patuh Syariah. Instrumen pinjaman domestik konvensional merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) bagi terbitan jangka panjang dan Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) bagi sekuriti jangka pendek manakala instrumen setara patuh Syariah ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) seperti dalam Rajah 4. Malaysia mengutamakan terbitan domestik dalam denominasi ringgit berikutan pasaran kewangan domestik yang kukuh serta keupayaan pelabur institusi menyerap keseluruhan keperluan pinjaman Kerajaan.


**RAJAH 4.** Ciri Utama Instrumen Domestik Kerajaan Persekutuan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 5 menunjukkan komposisi terbitan sekuriti kerajaan yang didominasi instrumen domestik. Pendekatan ini terbukti berkesan terutamanya semasa krisis ekonomi yang membolehkan Kerajaan memenuhi keperluan kewangan melalui pembiayaan dalam negeri pada kos minimum di samping mengurangkan risiko pertukaran asing serta risiko lain yang berkaitan.

**RAJAH 5.** Komposisi Terbitan Domestik dan Luar Pesisir Kerajaan Persekutuan, 2000 – 2024



Nota: Terbitan domestik terdiri daripada MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan (MTB dan MITB) manakala terbitan luar pesisir terdiri daripada pinjaman pasaran  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pinjaman luar pesisir merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan portfolio hutang yang meliputi pinjaman pasaran dan projek seperti dalam Rajah 6. Instrumen pasaran meliputi 88% khususnya terbitan sukuk global dan Bon Samurai dalam denominasi yen. Di samping itu, pinjaman projek yang terdiri daripada pinjaman multilateral dan bilateral seperti Asian Development Bank (ADB) dan Japan International Cooperation Agency (JICA) merupakan sebahagian daripada pinjaman luar pesisir dengan pengeluaran terakhir dibuat pada 2019. Pinjaman projek tidak lagi menjadi instrumen utama dalam strategi pembiayaan Kerajaan mengambil kira kecairan yang tinggi dan mencukupi dalam pasaran domestik. Walau bagaimanapun, terbitan pasaran luar pesisir kekal penting dari sudut strategik yang menonjolkan peranan Malaysia dalam pasaran kewangan

**RAJAH 6.** Instrumen Pembiayaan Luar Pesisir Kerajaan Persekutuan




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

antarabangsa, memperkukuh keyakinan pelabur serta mewujudkan kadar hasil penanda aras untuk terbitan korporat di pasaran antarabangsa. Tambahan pula, trajektori penarafan kredit berdaulat yang utuh menyokong strategi pembiayaan Malaysia.

#### *Instrumen Konvensional dan Patuh Syariah*

Strategi pinjaman Kerajaan juga melibatkan pembangunan inisiatif strategik terutamanya dalam memajukan kewangan Islam. Kerajaan telah menerbitkan kedua-dua instrumen konvensional dan patuh Syariah bagi memenuhi permintaan pelabur yang pelbagai. Pendekatan dwi pasaran telah meningkatkan komposisi terbitan patuh Syariah Kerajaan daripada 10% pada 2000 kepada 50% pada 2024 seterusnya mempelbagaikan portfolio pasaran. Penerbitan instrumen patuh Syariah secara berterusan dan usaha mengukuhkan pasaran kewangan domestik telah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam seperti dalam Rajah 7.

**RAJAH 7. Komposisi Terbitan Konvensional dan Patuh Syariah Kerajaan Persekutuan, 2000 – 2024**



Nota: Terbitan patuh Syariah Kerajaan terdiri daripada MGII dan siri sukuk global manakala terbitan konvensional terdiri daripada MGS dan pinjaman pasaran dalam denominasi yen

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Malaysia telah menerbitkan instrumen Islam pertama dalam bentuk Sijil Pelaburan Kerajaan dan digantikan dengan MGII pada 2001 berlandaskan Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Dalam tempoh 2001 hingga 2019, MGII diperdagangkan pada spread purata 15 – 50 mata asas (bps) melebihi MGS dengan tempoh matang yang setara. Spread tersebut telah mengecil kepada purata 2 bps bagi terbitan tempoh matang 10-tahun dalam tempoh 2024 – 2025 yang membuktikan peningkatan daya saing MGII dalam pasaran.


Secara keseluruhan, Kerajaan telah mempelbagaikan strategi pembiayaan melalui penerbitan di pasaran domestik dan luar pesisir serta keseimbangan antara instrumen konvensional dan patuh Syariah. Langkah ini telah meluaskan asas pelabur di samping menjamin kestabilan pasaran.

**C. Asas Pelabur**

Mengekalkan asas pelabur yang luas dan pelbagai adalah sama penting dengan keperluan untuk mempunyai kepelbagaian portfolio instrumen hutang. Strategi ini dapat menstabilkan profil pinjaman dan meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk memenuhi keperluan kewangan terutamanya semasa berhadapan kejutan ekonomi. Pemegang pemastautin merupakan pelabur terbesar dalam hutang Kerajaan Persekutuan dengan pegangan melebihi 70% daripada jumlah hutang terkumpul. Sejak 2017, institusi perbankan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjadi pemegang domestik utama hutang Kerajaan dengan pegangan melebihi 50%. Pemegang pemastautin signifikan lain termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Pasaran domestik yang kukuh dan berkecairan tinggi membolehkan pelabur bertindak balas pantas semasa krisis. Keadaan ini dapat menstabilkan pasaran kewangan Malaysia, mengurangkan ketidaktentuan pasaran dan mengekang risiko pengaliran keluar modal secara mendadak. Sementara itu, penglibatan pelabur bukan pemastautin adalah stabil dengan pegangan sekitar 22% dalam tempoh 2022 hingga 2024 manakala jumlah pegangan telah meningkat sebanyak RM26 bilion kepada RM259 bilion seterusnya membuktikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Walau bagaimanapun, keperluan kedalaman dan kecairan pasaran domestik kekal penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada pelabur asing dan menampan pasaran daripada ketidaktentuan aliran dana seperti dalam Rajah 8.

**RAJAH 8. Hutang Dalam Negeri mengikut Pemegang, 2008 - 2024**




Nota: Instrumen terdiri daripada MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan (MTB dan MITB). Sebelum 2011, komponen KWAP dikategorikan di bawah "Lain-lain". Manakala, "Lain-lain" termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

#### D. Kadar Hasil dan Profil Kematangan

Strategi pinjaman Kerajaan dirangka bagi memastikan kemampunan dan kemampuan hutang jangka panjang dengan membolehkan pembiayaan diperoleh pada kos paling rendah mengambil kira pendedahan risiko. Faktor utama yang mempengaruhi strategi ini termasuk kadar hasil terbitan global dan domestik, tempoh kematangan dan komposisi mata wang. Kadar hasil terbitan menjadi rujukan utama pelabur dan kerajaan serta dipengaruhi oleh faktor asas seperti keadaan makroekonomi, trend inflasi dan pergerakan kadar faedah global. Trend kadar hasil MGS 10-tahun adalah selari dengan trend global dengan mencatat kadar tertinggi semasa GFC dan kembali memuncak semasa kitaran dasar monetari global yang diperketat pada 2022 – 2023 seperti dalam Rajah 9. Walau bagaimanapun, peralihan ketara berlaku pascapandemik apabila kadar hasil Perbendaharaan AS (UST) adalah lebih tinggi berbanding kadar hasil MGS disebabkan oleh kenaikan kadar faedah yang agresif oleh Rizab Persekutuan AS. Sebaliknya, dasar pelonggaran kuantitatif semasa pandemik telah menyebabkan penurunan kadar hasil yang secara tidak langsung membantu Kerajaan menurunkan kos pinjaman dan mewujudkan penanda aras yang lebih baik bagi terbitan domestik.


**RAJAH 9. MGS 10-tahun, UST 10-tahun, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Federal Funds Rate (FFR), 2008 – 2025<sup>1</sup>**



<sup>1</sup>Akhir Julai 2025  
Sumber: Bloomberg

Kerajaan mengekalkan pelbagai profil kematangan instrumen pinjaman bagi pengurusan hutang yang lebih berkesan. Langkah ini termasuk gabungan Bil Perbendaharaan serta instrumen jangka sederhana dan panjang yang mempunyai tempoh kematangan antara tiga bulan hingga 30-tahun. Bil Perbendaharaan merupakan sebahagian kecil daripada jumlah terbitan manakala instrumen jangka sederhana dan panjang iaitu MGS dan MGII mendominasi portfolio seperti dalam Rajah 10.

**RAJAH 10.** Komposisi Terbitan Kerajaan mengikut Tempoh Kematangan, 2008 – 2024



Nota: Instrumen terdiri daripada terbitan domestik MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan (MTB dan MITB)  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Strategi pinjaman Kerajaan meliputi penyesuaian profil kematangan terbitan berdasarkan keadaan pasaran. Kerajaan mengambil pendekatan strategik melalui penerbitan sekuriti jangka panjang yang lebih banyak semasa kadar hasil rendah bagi melanjutkan tempoh profil kematangan hutang. Pendekatan ini mengurangkan risiko pembiayaan semula dan membolehkan Kerajaan menikmati kos pembiayaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengutamakan penerbitan instrumen jangka pendek buat sementara waktu semasa pandemik bagi memenuhi keperluan pembiayaan segera dan mengurangkan lambakan kertas jangka panjang dalam pasaran. Spread kadar hasil semasa MGS 10- dan 30-tahun yang lebih kecil memberikan ruang kepada Kerajaan untuk memanjangkan tempoh kematangan hutang pada kos yang efektif seperti dalam Rajah 11. Oleh itu, Kerajaan mengutamakan penerbitan instrumen jangka sederhana dan panjang sebagai strategi semasa bagi membiayai semula sebahagian daripada obligasi jangka pendek di samping mengembalikan profil kematangan hutang ke paras prapandemik.

**RAJAH 11.** Spread MGS 10-tahun dan 30-tahun, 2014 – 2025<sup>1</sup>



<sup>1</sup>Akhir Julai 2025  
 Sumber: Bloomberg

Profil kematangan yang lebih terurus bukan sahaja mengurangkan risiko pembiayaan semula tetapi juga dapat memenuhi permintaan pelbagai pelabur. Kertas jangka pendek lebih menarik minat pelabur yang mengutamakan kecairan manakala pelabur institusi seperti dana persaraan dan insurans lebih cenderung melabur dalam sekuriti jangka panjang sesuai dengan matlamat pelaburan. Asas pelabur yang pelbagai memastikan permintaan berterusan dan menyokong kecairan pasaran membolehkan Kerajaan memperoleh dana pada kadar yang lebih kompetitif seterusnya meningkatkan kemampuan pengurusan hutang negara.

Pembangunan platform Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST) merupakan antara elemen utama dalam strategi pinjaman Kerajaan yang membantu meningkatkan ketelusan dan kecekapan pasaran. Sistem automatik dengan kawalan dalaman membolehkan FAST meminimumkan operasi manual, mengurangkan kesilapan serta memastikan proses pinjaman yang telus dan cekap. Pengauditan secara berkala dan pelaporan yang telus juga menjamin pengurusan hutang yang lebih berintegriti. Kerajaan mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan strategi pinjaman yang lebih efektif sejajar dengan matlamat untuk mencapai kestabilan kewangan. Kerajaan juga mengadakan libat urus berkala dengan pemegang taruh seperti BNM dan pemain pasaran sebelum menerbitkan hutang baharu. Perbincangan ini membolehkan Kerajaan mengukur sentimen pasaran, menarik minat pelabur dan meminimumkan gangguan pasaran.

#### **Hala Tuju**

Kerajaan bermatlamat untuk mencapai sasaran di bawah Akta 850 dengan mengurangkan defisit dan pinjaman keseluruhan secara beransur-ansur dalam usaha memastikan kemampuan hutang. Perkara ini boleh dicapai melalui pendekatan serampang dua mata iaitu mengukuhkan kutipan hasil dan mengoptimalkan perbelanjaan. Pendekatan ini akan dilaksanakan melalui pengukuhan pentadbiran dan pematuhan cukai serta mengutamakan perbelanjaan bagi projek berimpak tinggi dengan tujuan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pembiayaan defisit dan membina penampan terhadap kejutan ekonomi pada masa hadapan. Kerajaan juga akan terus memanfaatkan ekosistem kewangan yang lebih menyeluruh terutamanya melalui syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi menggalakkan pelaburan awam seterusnya mengurangkan kebergantungan pembiayaan oleh Kerajaan. Malaysia berupaya mewujudkan model pembiayaan yang lebih mampan untuk meningkatkan potensi ekonomi dan mengukuhkan daya tahan fiskal melalui penajajaran prestasi GLIC dan GLC kepada objektif pembangunan negara.

Malaysia akan terus memperluas asas pelabur melalui penerokaan struktur pembiayaan baharu bagi mempelbagaikan sumber pendanaan. Usaha ini termasuk meneroka terbitan berkaitan kelestarian dan struktur sukuk berinovatif untuk menarik minat pelabur yang mengutamakan etika dan pematuhan Syariah. Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah strategik dan berhati-hati dalam melaksanakan terbitan luar pesisir bagi mengekalkan keberadaan Malaysia dalam pasaran antarabangsa dan mewujudkan penanda aras kadar hasil bagi terbitan korporat. Selain itu, libat urus berterusan dengan pelabur secara telus dan proaktif akan meningkatkan keyakinan pelabur, mengurangkan ketidakpastian dan memastikan kos pinjaman yang kompetitif.

## Kesimpulan

Strategi pinjaman yang efektif dan mampan mewujudkan ekosistem pembiayaan yang berdisiplin, inovatif dan berdaya tahan. Kerajaan akan memastikan pinjaman terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara tanpa menjejaskan kemampuan hutang dalam jangka masa panjang. Justeru, Kerajaan komited memperkukuh strategi fiskal bagi mencapai sasaran di bawah Akta 850. Dasar pengurusan hutang akan sentiasa ditambah baik dengan mempelbagaikan instrumen pembiayaan, mengukuhkan keyakinan pelabur dan memanfaatkan ekosistem kewangan Kerajaan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kemampuan ruang fiskal untuk generasi akan datang bahkan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam pembiayaan bertanggungjawab dan berinovasi pada peringkat global. Akhirnya, pinjaman yang berhemat, telus dan berpandangan jauh dapat menjamin kestabilan dan kemakmuran kewangan Malaysia demi melindungi masa depan negara.

## Rujukan

- ASEAN +3 Macroeconomic Research Office. (2025, April 21). Navigating Fiscal Strategy Through Uncertainty. *ASEAN+3 Fiscal Policy Report 2025*. [https://amro-asia.org/wp-content/uploads/2025/04/AFPR-2025\\_15Apr2025\\_for-publication.pdf](https://amro-asia.org/wp-content/uploads/2025/04/AFPR-2025_15Apr2025_for-publication.pdf)
- Bank for International Settlements. (2011). *Interactions between sovereign debt management and monetary policy under fiscal dominance and financial instability*. [https://www.bis.org/publ/bppdf/bispap65l\\_rh.pdf](https://www.bis.org/publ/bppdf/bispap65l_rh.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2025). *FMIP*. <https://financialmarkets.bnm.gov.my/>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Profile of Malaysia's External Debt*. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/767007/p3ba1.pdf>
- Fitch Ratings. (2025, March 19). *Malaysia's Debt Capital Market Likely to Slow on Fiscal Consolidation; Sukuk Leadership Sustained*. <https://www.fitchratings.com/research/non-bank-financial-institutions/malaysias-debt-capital-market-likely-to-slow-on-fiscal-consolidation-sukuk-leadership-sustained-19-03-2025#:~:text=Malaysia%20has%20the%20largest%20global,within%20the%20'BBB'%20category>
- International Islamic Financial Market. (2021, July 21). A Comprehensive Study of the Global Sukuk Market. *Sukuk Report 2021*. (10th Ed.). IIFM. <https://www.iifm.net/frontend/general-documents/bcd691cfb4233fb37d783550210103921635251580.pdf>.
- International Monetary Fund. (2025, April). Enhancing Resilience amid Uncertainty. *Global Financial Stability Report*. <https://www.imf.org/en/Publications/GFSR/Issues/2025/04/22/global-financial-stability-report-april-2025>

International Monetary Fund. (2022, April 26). Making Debt Work for Development and Macroeconomic Stability. *Policy Papers*. <https://www.imf.org/en/Publications/Policy-Papers/Issues/2022/04/26/Making-Debt-Work-For-Development-and-Macroeconomic-Stability-517258>

Moody's Ratings. (2025, July 30). Moody's Ratings announces completion of a periodic review of ratings of Malaysia, Government of. *Announcement of Periodic Review*. <https://www.moody.com/researchandratings/region/asia-pacific/malaysia/042009>

The Bond and Sukuk Information Exchange. (2019, February 13). *Malaysia Government Securities (MGS) and Government Investment Issue (GII) – An Overview*. [https://www.bixmalaysia.com/learning-center/articles-tutorials/malaysia-government-securities-\(mgs\)-and-government-investment-issue-\(gii\)-%E2%80%93-an-overview](https://www.bixmalaysia.com/learning-center/articles-tutorials/malaysia-government-securities-(mgs)-and-government-investment-issue-(gii)-%E2%80%93-an-overview)

The Organisation for Economic Co-operation and Development. (2025, March 20). Financing Growth in a Challenging Debt Market Environment. *Global Debt Report 2025*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/8ee42b13-en>.

World Bank Group. (2024, December 3). *International Debt Report 2024*. <http://hdl.handle.net/10986/42444>

## Hutang Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan komited mengekalkan tahap hutang yang berhemat selaras dengan sasaran konsolidasi fiskal di bawah Akta 850. Akta ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK secara beransur-ansur yang merangkumi pinjaman domestik dan luar pesisir di bawah 60% dalam jangka masa sederhana. Walau bagaimanapun, siling hutang berkanun yang ditadbir di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] terus kekal sebagai asas perundangan bagi had hutang khusus mengikut jenis instrumen.

Setakat akhir Jun 2025, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,304.2 bilion atau 64.7% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, 98.3% terdiri daripada hutang domestik manakala pinjaman luar pesisir berkurangan kepada 1.7% (H1 2024: 2.4%) susulan penebusan sukuk global berjumlah USD1 bilion pada April 2025. Tahap hutang berdenominasi

asing yang rendah meminimumkan pendedahan Kerajaan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Selain itu, hutang terkumpul bagi setiap instrumen kekal dalam had berkanun yang ditetapkan di bawah Akta seperti dalam Jadual 4.2.

Instrumen patuh Syariah yang berjumlah RM634.3 bilion atau 48.6% daripada jumlah hutang kekal sebagai komponen utama dalam struktur hutang. Daripada jumlah ini, 97.8% adalah terbitan domestik manakala bakinya merupakan sukuk global dalam dolar AS. Penerbitan berterusan instrumen Islam ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh pasaran modal patuh Syariah dan mengekalkan kedudukan sebagai peneraju global dalam kewangan Islam.

Objektif utama strategi pinjaman adalah untuk mengurangkan risiko pembiayaan semula dengan mengekalkan profil kematangan yang seimbang dan mampan. Portfolio hutang domestik Kerajaan Persekutuan merangkumi pelbagai tempoh kematangan dan jenis instrumen. Sehingga Jun 2025, instrumen jangka pendek dengan tempoh matang 3-, 6-, 9- dan 12-bulan iaitu MTB dan MITB berjumlah RM2 bilion dan RM5.5 bilion. Sementara itu, instrumen jangka sederhana dan panjang

**JADUAL 4.2.** Perundangan Hutang

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR JUN 2025
<b>Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]<sup>1</sup></b> <b>Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]<sup>2</sup></b>	Jumlah MGS, MGII dan MITB tidak melebihi 65% daripada KDNK	<b>63.5% daripada KDNK</b>
<b>Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]</b>	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	<b>RM22.8 bilion</b>
<b>Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]</b>	MTB tidak melebihi RM10 bilion	<b>RM2 bilion</b>

<sup>1</sup> MGS diterbitkan di bawah Akta 637

<sup>2</sup> MGII dan MITB diterbitkan di bawah Akta 275

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

**JADUAL 4.3.** *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>
<b>Hutang dalam negeri</b>	<b>1,219,638</b>	<b>1,281,418</b>	<b>97.8</b>	<b>98.3</b>	<b>63.1</b>	<b>63.6</b>
MGS	633,838	659,118	50.8	50.5	32.8	32.7
MGII	570,800	614,800	45.8	47.1	29.5	30.5
MTB	5,000	2,000	0.4	0.2	0.3	0.1
MITB	10,000	5,500	0.8	0.4	0.5	0.3
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>27,976</b>	<b>22,758</b>	<b>2.2</b>	<b>1.7</b>	<b>1.4</b>	<b>1.1</b>
Pinjaman pasaran	24,977	19,804	2.0	1.5	1.2	1.0
Pinjaman projek	2,999	2,954	0.2	0.2	0.2	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>1,247,614</b>	<b>1,304,176</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>64.6</b>	<b>64.7</b>
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	260,212	278,423	21.3	21.7	13.5	13.8

<sup>1</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

iaitu MGS dan MGII berjumlah RM659.1 bilion dan RM614.8 bilion dengan tempoh matang sehingga 30 tahun.

Pada akhir Jun 2025, hutang terkumpul dengan tempoh matang melebihi lima tahun meningkat kepada 61.1% manakala bagi lima tahun atau kurang mencatat pengurangan kepada 38.9%. Sehubungan itu, purata wajaran tempoh matang bagi sekuriti hutang terkumpul dijangka meningkat kepada 9.6 tahun menjelang akhir 2025 (2024: 9.3 tahun) mencerminkan pengurusan hutang yang proaktif selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Sementara itu, pinjaman luar pesisir berjumlah RM22.8 bilion terdiri daripada pinjaman pasaran sebanyak RM19.8 bilion dan pinjaman projek sebanyak RM3 bilion. Pinjaman pasaran termasuk sukuk global dan bon Samurai manakala pinjaman projek melibatkan perjanjian bilateral dan multilateral bagi membiayai program atau projek infrastruktur

tertentu. Daripada jumlah pinjaman luar pesisir, 61.4% adalah dalam denominasi dolar AS, 38.5% dalam yen dan baki 0.1% dalam mata wang lain.

Pelabur institusi domestik merupakan pemegang utama sekuriti Kerajaan Persekutuan dan menyumbang sebanyak RM1,006.1 bilion atau 77.1% daripada jumlah hutang terkumpul pada akhir Jun 2025. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan pemegang terbesar sebanyak 27.2% diikuti oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak 3.8% dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) sebanyak 2.4%. Sementara itu, institusi perbankan memegang sebanyak 29.4% diikuti oleh syarikat insurans sebanyak 5.5% dan institusi kewangan pembangunan sebanyak 2.2%. Penyertaan kukuh daripada pelabur institusi jangka masa panjang disokong oleh penekanan strategik Kerajaan terhadap terbitan jangka sederhana dan panjang dalam menguruskan risiko pembiayaan semula dan memastikan profil kematangan yang seimbang.

**JADUAL 4.4.** *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>3</sup>
<b>Pemastautin</b>	<b>964,014</b>	<b>1,006,143</b>	<b>77.3</b>	<b>77.1</b>	<b>49.9</b>	<b>49.9</b>
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	343,306	355,114	27.5	27.2	17.8	17.6
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	32,921	31,580	2.6	2.4	1.7	1.6
Syarikat insurans	67,380	72,376	5.4	5.5	3.5	3.6
Bank Negara Malaysia	63,630	49,044	5.1	3.8	3.3	2.4
Institusi perbankan	356,015	383,495	28.6	29.4	18.4	19.0
Institusi kewangan pembangunan	27,427	28,182	2.2	2.2	1.4	1.4
Lain-lain <sup>1</sup>	73,335	86,352	5.9	6.6	3.8	4.3
<b>Bukan pemastautin</b>	<b>283,600</b>	<b>298,033</b>	<b>22.7</b>	<b>22.9</b>	<b>14.7</b>	<b>14.8</b>
Pengurusan aset	88,984	92,476	7.1	7.1	4.6	4.6
Bank pusat/kerajaan	77,885	86,815	6.2	6.7	4.0	4.3
Institusi perbankan	58,254	61,959	4.7	4.8	3.0	3.1
Dana persaraan	46,159	45,466	3.7	3.5	2.4	2.3
Syarikat insurans	7,714	6,973	0.6	0.5	0.4	0.3
Lain-lain <sup>2</sup>	4,604	4,344	0.4	0.3	0.3	0.2
<b>Jumlah</b>	<b>1,247,614</b>	<b>1,304,176</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>64.6</b>	<b>64.7</b>

<sup>1</sup> Termasuk institusi kewangan bukan bank, badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

<sup>2</sup> Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi bilateral dan multilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

<sup>3</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pemegang bukan pemastautin kekal stabil pada RM298 bilion atau 22.9% daripada jumlah hutang. Syarikat pengurusan aset merupakan pemegang utama dalam kalangan pelabur bukan pemastautin yang mewakili 7.1% diikuti oleh bank pusat/kerajaan (6.7%) serta institusi perbankan (4.8%). Dana persaraan dan syarikat insurans menyumbang sebanyak 3.5% dan 0.5% mencerminkan minat berterusan pelabur jangka masa panjang antarabangsa terhadap sekuriti kerajaan.

Pada 2025, DSC Kerajaan Persekutuan dianggar meningkat sebanyak 7.6% kepada RM54.3 bilion atau 16.3% daripada hasil (2024: 9.0%; RM50.5 bilion; 15.6%). Kadar pertumbuhan DSC yang sederhana ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal daripada 4.1%

pada 2024 kepada 3.8% pada 2025. Sebahagian besar perbelanjaan DSC iaitu RM53.5 bilion diperuntukkan bagi bayaran faedah dan keuntungan instrumen domestik manakala baki sebanyak RM0.8 bilion bagi membayar pinjaman luar pesisir.

Daripada perspektif kecekapan kos, purata wajaran kos pinjaman untuk hutang domestik terkumpul mencatat 4.11% pada akhir Jun 2025 (akhir 2024: 4.12%). Keutamaan struktur kupon kadar tetap dalam sekuriti kerajaan terus melindungi portfolio hutang daripada turun naik kadar faedah jangka masa pendek sepanjang tempoh matang yang masih berbaki. Walau bagaimanapun, purata wajaran kos pinjaman menunjukkan penurunan marginal daripada tahun sebelumnya membantu mengurangkan pertumbuhan DSC.

## Hutang Luar Malaysia

Pada akhir Jun 2025, hutang luar<sup>3</sup> meningkat sebanyak 3.9% kepada RM1,403.3 bilion atau 69.6% daripada KDNK (akhir 2024: RM1,350.2 bilion; 69.9% daripada KDNK). Peningkatan ini didorong oleh penyertaan lebih kukuh pelabur bukan pemastautin dalam sekuriti hutang domestik kerajaan serta terbitan bersih bon dan nota di luar negara yang lebih tinggi oleh syarikat awam. Pinjaman luar pesisir yang merupakan komponen terbesar hutang luar negeri meningkat kepada RM737.1 bilion sejajar dengan pengurusan mudah tunai dan pengoptimuman lembaran imbalan. Pemegangan bukan pemastautin bagi sekuriti hutang dalam denominasi ringgit meningkat sebanyak 8.1% kepada

RM296.1 bilion (akhir 2024: 1.7%; RM274.0 bilion) disokong oleh permintaan semula pelabur terhadap sekuriti kerajaan. Sebaliknya, deposit bukan pemastautin berkurang kepada RM145.2 bilion berikutan pelabur mengimbangi semula portfolio ke arah aset yang mempunyai pulangan lebih tinggi atau lebih cair. Sementara itu, hutang luar lain meningkat kepada RM224.9 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan penggunaan kredit perdagangan bagi urus niaga berkaitan import.

Kedudukan hutang luar Malaysia kekal terurus disokong oleh struktur tempoh matang dan kepelbagaian komposisi mata wang di samping langkah berhemat yang ditetapkan oleh BNM. Risiko pembiayaan semula dapat dikawal secara berkesan iaitu

**JADUAL 4.5.** *Hutang Luar, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>3</sup>	2024	2025 <sup>3</sup>
<b>Pinjaman luar pesisir</b>	<b>717,991</b>	<b>737,132</b>	<b>53.2</b>	<b>52.6</b>	<b>37.2</b>	<b>36.6</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	461,967	473,875	34.2	33.8	23.9	23.5
Sektor awam	148,098	154,079	11.0	11.0	7.7	7.6
Kerajaan Persekutuan	23,388	19,607	1.7	1.4	1.2	0.9
Syarikat awam	124,710	134,472	9.3	9.6	6.5	6.7
Sektor swasta	313,869	319,796	23.2	22.8	16.2	15.9
Hutang jangka pendek	256,024	263,257	19.0	18.8	13.2	13.1
<b>Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin</b>	<b>273,957</b>	<b>296,072</b>	<b>20.3</b>	<b>21.1</b>	<b>14.2</b>	<b>14.7</b>
Hutang jangka sederhana dan panjang	266,731	288,308	19.8	20.5	13.8	14.3
Kerajaan Persekutuan	254,073	276,815	18.8	19.7	13.1	13.7
Lain-lain <sup>1</sup>	12,658	11,493	1.0	0.8	0.6	0.6
Hutang jangka pendek	7,226	7,764	0.5	0.6	0.4	0.4
<b>Deposit bukan pemastautin</b>	<b>149,958</b>	<b>145,164</b>	<b>11.1</b>	<b>10.3</b>	<b>7.7</b>	<b>7.2</b>
<b>Lain-lain<sup>2</sup></b>	<b>208,295</b>	<b>224,916</b>	<b>15.4</b>	<b>16.0</b>	<b>10.8</b>	<b>11.1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1,350,201</b>	<b>1,403,284</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>69.9</b>	<b>69.6</b>

<sup>1</sup> Termasuk sektor swasta dan syarikat awam

<sup>2</sup> Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain

<sup>3</sup> Akhir Jun 2025

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>3</sup> Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta hutang lain.

57.5% daripada jumlah hutang luar akan matang dalam tempoh jangka masa sederhana hingga panjang. Dari perspektif mata wang, sekitar satu pertiga daripada hutang luar adalah dalam denominasi ringgit manakala selebihnya dalam mata wang asing sekali gus mencerminkan kepelbagaian portfolio hutang luar Malaysia.

## Hutang Sektor Awam

Pada akhir Jun 2025, hutang sektor awam Malaysia meningkat sebanyak 4.2% kepada RM1,730.5 bilion atau 85.8% daripada KDNK (akhir 2024: RM1,660.5 bilion; 86% daripada KDNK). Peningkatan ini terutamanya didorong oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 75.4% daripada jumlah hutang sektor awam.

Hutang badan berkanun dijamin Kerajaan meningkat kepada RM105 bilion berikutan terbitan baharu oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam untuk menyokong pengeluaran pinjaman perumahan. Sementara itu, hutang bersih syarikat awam bukan kewangan meningkat kepada RM321.4 bilion terutamanya disebabkan oleh aktiviti pembiayaan yang dijalankan oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., DanaInfra Nasional Berhad dan Prasarana Malaysia Berhad. Peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik prinsipal berjadual daripada entiti seperti Jambatan Kedua Sdn. Bhd. dan MKD Kencana Sdn. Bhd. Secara keseluruhan, pendedahan hutang sektor awam kepada risiko pertukaran asing kekal terkawal dengan 91% daripada jumlah hutang dalam denominasi ringgit sekali gus menunjukkan komposisi hutang yang berhemat dan pengurusan risiko pertukaran mata wang asing yang efektif.

**JADUAL 4.6.** *Hutang Sektor Awam, 2024 – 2025*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>
<b>Kerajaan Persekutuan</b>	<b>1,247,614</b>	<b>1,304,176</b>	<b>75.1</b>	<b>75.4</b>	<b>64.6</b>	<b>64.7</b>
Dalam negeri	1,219,638	1,281,418	73.4	74.1	63.1	63.6
Luar pesisir	27,976	22,758	1.7	1.3	1.4	1.1
<b>Badan berkanun</b>	<b>101,878</b>	<b>105,013</b>	<b>6.1</b>	<b>6.1</b>	<b>5.3</b>	<b>5.2</b>
Dalam negeri	101,878	105,013	6.1	6.1	5.3	5.2
<i>antaranya: Dijamin</i>	101,878	105,013	6.1	6.1	5.3	5.2
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
<b>Syarikat awam bukan kewangan</b>	<b>311,025</b>	<b>321,354</b>	<b>18.8</b>	<b>18.5</b>	<b>16.1</b>	<b>15.9</b>
Dalam negeri	188,551	189,073	11.4	10.9	9.8	9.4
<i>antaranya: Dijamin</i>	188,551	189,073	11.4	10.9	9.8	9.4
Luar pesisir	122,474	132,281	7.4	7.6	6.3	6.5
<i>antaranya: Dijamin</i>	38,940	38,792	2.3	2.2	2.0	1.9
<b>Jumlah</b>	<b>1,660,517</b>	<b>1,730,543</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>85.9</b>	<b>85.8</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## RENCANA

## Analisis Kemampunan Hutang

### Pengenalan

Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) yang bertemakan Melakar Semula Pembangunan telah diluluskan pada September 2025. Pelan ini ditunjangi tiga dimensi utama pembangunan iaitu berpendapatan tinggi dan pertumbuhan mampan, kehidupan bermutu dan terangkum, serta alam sekitar lestari. Sebanyak RM430 bilion perbelanjaan pembangunan (DE) akan disediakan oleh Kerajaan bagi melaksanakan 27 bidang keutamaan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Peruntukan ini mencerminkan strategi Kerajaan dalam mengimbangi antara disiplin fiskal dan pertumbuhan ekonomi bagi mencapai sasaran defisit fiskal 3% berbanding KDNK serta menjadi negara berpendapatan tinggi dalam jangka masa sederhana. Oleh itu, Analisis Kemampunan Hutang (DSA) telah digunakan untuk menilai dan menyediakan rujukan dalam penggubalan dasar makroekonomi dan fiskal jangka masa sederhana selaras dengan pengurusan hutang yang berhemat. Penilaian DSA menentukan keupayaan Kerajaan dalam memenuhi obligasi hutang semasa dan masa hadapan sekiranya terdapat kejutan makro-fiskal. Tindakan ini membolehkan Kerajaan merangka dasar bagi memastikan daya tahan fiskal dan ekonomi serta kemampunan hutang jangka panjang.

Pihak IMF melalui 2025 Article IV Consultation Report telah menilai kemampunan hutang Malaysia dan merumuskan bahawa tekanan risiko keseluruhan negara adalah sederhana berdasarkan ujian tekanan berdaulat. Prospek pertumbuhan Malaysia yang kukuh serta pembaharuan perbelanjaan berterusan telah mengimbangi asas hasil yang secara relatif lebih kecil berbanding negara serantau. Pihak IMF menjangkakan hutang Kerajaan Persekutuan kekal sekitar 64% daripada KDNK sepanjang tempoh 2026 – 2029 yang menunjukkan langkah pembaharuan fiskal secara berterusan perlu dilaksanakan segera. Laporan ini juga telah mengenal pasti risiko kecairan yang sederhana bagi Keperluan Pembiayaan Kasar (GFN) dan Modul Liabiliti Luar Jangka dengan peningkatan pendedahan jumlah liabiliti luar jangka terutamanya daripada jaminan kerajaan, syarikat milik kerajaan dan kerjasama awam swasta.

### Analisis: Menilai Kemampunan Hutang dalam Menyokong RMK13

Tinjauan pertumbuhan global semasa terus dipengaruhi oleh perubahan dasar perdagangan, ketidakpastian tarif dan ketegangan geopolitik. Pendekatan DSA menyediakan penilaian terkini mengenai kedudukan fiskal dan trajektori hutang jangka panjang Malaysia dengan mengambil kira keperluan pembiayaan serta andaian pertumbuhan dalam RMK13. Hasil penilaian DSA akan dinyatakan melalui unjuran nisbah hutang kepada KDNK<sup>1</sup> dan nisbah GFN kepada KDNK. Analisis juga akan menunjukkan tahap sensitiviti hutang dan keperluan pembiayaan terhadap pelbagai senario kejutan. Rangka kerja DSA menggunakan penanda aras risiko 70% bagi nisbah hutang kepada KDNK dan 15% untuk nisbah GFN kepada KDNK bagi ekonomi pasaran baru muncul.

<sup>1</sup> Meliputi semua instrumen hutang

## A. Analisis Senario

### i. Senario Asas

Andaian utama makro-fiskal yang digunakan dalam DSA adalah selaras dengan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) Kerajaan Persekutuan seperti dalam Jadual 1.

**JADUAL 1.** Indikator Makro-Fiskal DSA 2026

INDIKATOR MAKRO-FISKAL	PURATA 2026 - 2030 (% SETAHUN)
Pertumbuhan KDNK benar	4.5 - 5.5%
Pertumbuhan hasil	4.1%
Pertumbuhan perbelanjaan bukan faedah	2.1%
Kadar faedah <sup>2</sup>	4.4%


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Trajektori nisbah hutang Kerajaan kepada KDNK sejak beberapa dekad sebelum ini dipengaruhi oleh pertumbuhan KDNK, defisit primer dan kadar faedah benar seperti dalam Rajah 1. Defisit primer dan kadar faedah benar menjadi faktor utama peningkatan nisbah hutang kepada KDNK manakala pertumbuhan KDNK benar berperanan sebagai pengimbang. Namun begitu, berlaku penguncupan ketara ekonomi pada 2020 yang menyebabkan peningkatan tekanan hutang. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi yang kukuh dalam tempoh 2021 dan 2022 telah mengurangkan kesan aliran penjana hutang baharu sekali gus menstabilkan nisbah hutang kepada KDNK.

Nisbah hutang kepada KDNK dijangka berkurang antara 2026 dan 2030 disokong oleh unjuran pertumbuhan yang stabil dan langkah konsolidasi fiskal secara berterusan bagi mengurangkan defisit primer. Walau bagaimanapun, dinamik hutang kekal sensitif terhadap kenaikan kadar faedah berbanding pertumbuhan serta penzahiran liabiliti luar jangka. Secara keseluruhan, kedudukan hutang Kerajaan mencerminkan hubungan antara pertumbuhan, baki fiskal dan risiko berstruktur. Oleh itu, keupayaan untuk mengurangkan hutang secara mampan memerlukan disiplin fiskal berterusan, pengurusan hutang dan risiko yang berhemat di samping dasar yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan terangkum.

<sup>2</sup> Kadar faedah merujuk kepada kadar kupon/keuntungan instrumen hutang Kerajaan Persekutuan.

RAJAH 1. Aliran Penjanaan Hutang



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

Berdasarkan senario asas, nisbah hutang kepada KDNK dianggarkan mencatat 65.8% pada 2026 dan dijangka berkurang secara berperingkat kepada 60% pada 2030 selaras dengan sasaran di bawah RMK13. Seterusnya jumlah pinjaman kasar tahunan mencerminkan trajektori konsolidasi fiskal dengan nisbah GFN kepada KDNK diunjur berkurang secara berperingkat kepada 4.9% pada 2030 berbanding 8.9% pada 2026.

## ii. Senario Alternatif

Senario alternatif menunjukkan kemungkinan berlaku perubahan dalam prospek hutang negara tanpa melibatkan perubahan dalam dasar fiskal semasa. Senario tersebut menilai hutang jangka sederhana serta unjuran pinjaman secara berasingan berdasarkan andaian baki primer malar dan trend data terdahulu.


### (a) Senario Baki Primer Malar

Dengan andaian defisit primer kekal 1.2% daripada KDNK sepanjang tempoh lima tahun, nisbah hutang kepada KDNK Kerajaan Persekutuan diunjur meningkat kepada 66% pada 2026 seterusnya berkurang secara berperingkat kepada 64% pada 2030. Selain itu, GFN dijangka kekal tinggi dengan mencecah 9.2% kepada KDNK pada 2026 sebelum berkurang kepada 6.5% pada 2030.

**(b) Senario Data Terdahulu**

Berdasarkan purata data sepuluh tahun terdahulu (2014 – 2024) yang merangkumi komponen defisit primer sebanyak 1.2% daripada KDNK, pertumbuhan ekonomi benar sebanyak 5.4% dan purata kadar faedah 4.3%, nisbah hutang kepada KDNK Kerajaan Persekutuan diunjur akan meningkat kepada 67.6% pada 2030. Sementara itu, GFN dijangka berada pada paras 9.4% daripada KDNK pada 2026 sebelum menyederhana kepada 6.8% pada 2030.

Analisis senario alternatif tersebut menunjukkan peningkatan nisbah hutang kepada KDNK. Justeru, langkah yang kukuh diperlukan bagi memastikan hutang berada di bawah paras 60% kepada KDNK seperti dalam Rajah 2.

**RAJAH 2. Senario Asas dan Alternatif**

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

**B. Analisis Sensitiviti**

Analisis sensitiviti atau ujian tekanan membolehkan Kerajaan menilai kemungkinan kesan buruk kejutan makro-fiskal terhadap kemampuan hutang. Hasil analisis dapat membantu pembuat dasar mengenal pasti kemungkinan tekanan negatif seterusnya menggubal dasar intervensi yang proaktif bagi mengurangkan risiko dan mengekalkan akses pasaran. Rajah 3 dan 4 menunjukkan hasil analisis Ujian Tekanan Makro-Fiskal serta ujian tekanan tambahan terhadap Malaysia.

**i. Senario Kejutan terhadap Baki Primer**

Berdasarkan andaian bahawa langkah sokongan fiskal diperkenalkan dalam tempoh 2026 – 2027 dengan defisit primer meningkat sekitar 0.7% daripada KDNK, nisbah hutang kepada KDNK diunjur meningkat kepada 66.5% pada 2026 sebelum menyederhana kepada

62.8% pada 2030. Sementara itu, GFN dianggar mencecah 9.5% pada 2026 dan berkurang kepada 5.8% pada 2030. Situasi ini menunjukkan sedikit peningkatan dalam defisit primer boleh menyebabkan nisbah hutang kepada KDNK meningkat lebih besar.


## ii. Senario Kejutan terhadap Pertumbuhan KDNK Benar

Sekiranya berlaku krisis berskala pandemik dengan KDNK benar menguncup 4.8% pada 2026 dan 3.5% pada 2027 sebelum pulih semula kepada 5.1% pada 2028 seterusnya kekal pada paras purata 5% iaitu dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah, nisbah hutang kepada KDNK dijangka meningkat kepada 87.4% pada 2027 sebelum berkurang secara beransur-ansur kepada 80.3% pada 2030. Dalam tempoh yang sama, nisbah GFN kepada KDNK dianggar meningkat kepada 13.7% pada 2027 sebelum berkurang kepada 6.4% pada 2030. Berdasarkan senario ini, nisbah hutang kepada KDNK akan melebihi penanda aras DSA dan had statutori hutang.

## iii. Senario Kejutan terhadap Kadar Faedah Benar

Berdasarkan andaian kadar faedah meningkat hampir 200 mata asas setiap tahun, keadaan ini tidak menunjukkan perbezaan ketara bagi trajektori nisbah hutang kepada KDNK dan GFN kepada KDNK berbanding senario asas dalam tempoh 2026 – 2027. Jurang terbesar antara senario kejutan kadar faedah benar dengan senario asas adalah pada 2030 apabila nisbah hutang kepada KDNK dianggar mencatat 61.3% (senario asas: 60%) manakala nisbah GFN kepada KDNK mencatat 5.4% (senario asas: 4.9%). Peningkatan kecil unjuran nisbah hutang kepada KDNK disebabkan oleh pertambahan kos pinjaman. Senario ini menunjukkan unjuran hutang dan pinjaman tidak melebihi had hutang Kerajaan Persekutuan tetapi melepasi had yang ditetapkan di bawah Akta 850.

**RAJAH 3. Ujian Tekanan Makro-Fiskal**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa


#### iv. Senario Kombinasi Kejutan Makro-Fiskal

Sekiranya semua kejutan makro-fiskal berlaku serentak, trajektori hutang Malaysia akan terjejas ketara dengan nisbah hutang kepada KDNK melepasi penanda aras DSA (70%) seawal 2026 kepada 76% seterusnya memuncak kepada 88% pada 2027 sebelum menyederhana sekitar 84% pada 2030. Sementara itu, nisbah GFN kepada KDNK mencecah 13.9% pada 2027 iaitu masih di bawah penanda aras DSA (15%) sebelum berkurang kepada 7.8% pada 2030. Senario ini menunjukkan kesan kejutan makro-fiskal boleh meningkatkan tekanan kewangan dan makroekonomi seterusnya mempercepat pertumbuhan hutang. Oleh itu, situasi ini akan meningkatkan pendedahan risiko terhadap fiskal dan kestabilan ekonomi tanpa ruang fiskal yang mencukupi serta langkah mitigasi bersasar dan terancang.

#### v. Senario Kejutan terhadap Liabiliti Luar Jangka

Nisbah hutang kepada KDNK diunjur meningkat sehingga 92.9% pada 2026 dan terus memuncak sehingga 96.7% pada 2027 jika berlaku penzahiran liabiliti luar jangka sebanyak 15% daripada KDNK pada 2026. Pada masa yang sama, nisbah GFN kepada KDNK meningkat sehingga 33.3% pada 2026 menjadikan senario ini paling buruk berbanding senario lain. Peningkatan ketara nisbah berkenaan menunjukkan kesan tekanan hutang akibat keperluan pembiayaan tambahan bagi memenuhi tuntutan liabiliti luar jangka. Selain itu, hanya senario ini sahaja yang menunjukkan nisbah GFN melepasi penanda aras DSA.

RAJAH 4. Ujian Tekanan Tambahan




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

### C. Penilaian Risiko

#### Risiko Profil Hutang

Selain ujian tekanan makro-fiskal dan liabiliti luar jangka, DSA juga menyediakan penilaian risiko yang menyeluruh terhadap profil hutang semasa sesebuah negara. Berdasarkan penilaian ini, keperluan pinjaman luar pesisir bagi Malaysia termasuk sektor awam dan swasta serta pegangan sekuriti hutang dalam mata wang ringgit oleh bukan pemastautin diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi kerana melepasi penanda aras amaran awal seterusnya meningkatkan risiko tukaran asing. Sementara itu, pegangan sekuriti Kerajaan Persekutuan oleh bukan pemastautin memberikan pendedahan risiko sederhana kerana bahagian pegangan melebihi penanda aras terendah. Sekiranya berlaku pengaliran keluar modal, keadaan ini menyebabkan berlakunya lebih penawaran kertas pinjaman Kerajaan dalam pasaran domestik. Walau bagaimanapun, risiko tersebut dimitigasi melalui bilangan pegangan aset luar yang besar oleh sektor swasta, kecairan pasaran modal yang tinggi serta institusi domestik yang kukuh dan dapat menyerap sebarang aliran keluar modal. Kerajaan juga terus meningkatkan pemantauan terhadap keupayaan dan operasi pasaran kewangan. Penanda aras pendedahan risiko terendah dan tertinggi bagi setiap parameter profil hutang seperti dalam Rajah 5.

RAJAH 5. Pendedahan Profil Hutang



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

#### Dapatan - Heat Map

*Heat Map* menunjukkan tahap kesan risiko terhadap paras hutang negara dan GFN yang disebabkan oleh pelbagai senario kejutan makro-fiskal serta profil hutang semasa. Penilaian ini bertujuan untuk membuat perbandingan antara *Heat Map* DSA 2025 dengan DSA 2023. Rajah 6a menunjukkan simulasi *Heat Map* DSA 2025 manakala Rajah 6b merupakan indikator risiko.

RAJAH 6a. Simulasi Heat Map DSA Malaysia 2025



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

RAJAH 6b. Indikator Tahap Risiko untuk Paras Hutang, GFN dan Profil Hutang

Heat Map	Paras Hutang	Keperluan Pembiayaan Kasar	Profil Hutang
<b>Risiko Rendah</b>	Sekiranya paras hutang tidak melebihi penanda aras 70% daripada KDNK di bawah senario asas atau kejutan tertentu.	Sekiranya GFN tidak melebihi penanda aras 15% daripada KDNK di bawah senario asas atau kejutan tertentu.	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara tidak melebihi parameter had rendah amaran awal.
<b>Risiko Sederhana</b>	Sekiranya paras hutang melebihi penanda aras 70% daripada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada senario asas.	Sekiranya GFN melebihi penanda aras 15% daripada KDNK di bawah senario kejutan tertentu tetapi tidak pada senario asas.	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara berada di antara parameter had rendah dan had tinggi amaran awal.
<b>Risiko Tinggi</b>	Sekiranya paras hutang melebihi penanda aras 70% daripada KDNK di bawah senario asas.	Sekiranya GFN melebihi penanda aras 15% daripada KDNK di bawah senario asas.	Sekiranya nilai bagi sesebuah negara melebihi parameter had tinggi amaran awal.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Tabung Kewangan Antarabangsa

Penilaian Heat Map DSA 2025 menunjukkan tahap hutang Malaysia, GFN dan profil hutang kekal terus sama seperti hasil penilaian pada 2023. Situasi ini mencerminkan asas makroekonomi negara yang kukuh, kewangan awam yang baik serta pengurusan hutang yang berhemat walaupun berdepan dengan cabaran dan ketidakpastian global.

Walaupun risiko terhadap pembiayaan luar kekal tinggi, namun kebarangkalian kegagalan pembayaran adalah rendah mengambil kira keupayaan peminjam untuk membayar balik obligasi hutang. Keadaan ini disokong oleh ketersediaan aset yang besar, kebolehpercayaan kredit yang teguh serta kerangka perundangan pinjaman luar pesisir yang kukuh, kecairan dan pengurusan risiko pembiayaan yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengekalkan

pendekatan berwaspada terhadap pinjaman luar pesisir yang digunakan sebagai penanda aras memandangkan terdapat ketersediaan kecairan pasaran domestik yang tinggi. Strategi ini telah disokong oleh pembangunan berterusan pasaran modal domestik Malaysia yang menyediakan sumber utama pembiayaan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap hutang luar.

Risiko kejutan pertumbuhan KDNK benar terhadap paras hutang kekal sederhana disokong oleh momentum ekonomi domestik yang kukuh walaupun berdepan dengan ketidakpastian luaran berterusan. Selain itu, hutang awam yang dipegang oleh bukan pemastautin kekal pada risiko sederhana dengan bahagian hutang berada pada paras di bawah 25% sejak 2019. Walaupun risiko liabiliti luar jangka menunjukkan pendedahan risiko sederhana, namun keadaan ini memerlukan penelitian terhadap risiko fiskal mengambil kira sebarang penzahiran boleh meningkatkan keperluan pembiayaan dan paras hutang. Langkah ini memerlukan tindakan Kerajaan yang tuntas bagi memperkukuh disiplin fiskal serta memperkemas pengurusan hutang sebagai usaha untuk mengurangkan risiko dan mengekalkan kemampuan hutang secara keseluruhan.

Prospek hutang Malaysia 2026 – 2030 kekal terkawal dengan parameter risiko pada kedudukan rendah hingga sederhana. Walau bagaimanapun, peningkatan risiko daripada keperluan pembiayaan luar dan risiko berterusan daripada liabiliti luar jangka menekankan kepentingan membina ruang fiskal, menambah baik ketelusan komitmen liabiliti dan memperkukuh daya tahan pasaran modal domestik. Langkah pembaharuan fiskal berterusan dan pengurusan hutang yang berhemat penting dalam mengekalkan kestabilan dan mengurangkan risiko secara berperingkat ke tahap paling rendah.

### Kesimpulan

Penilaian DSA menunjukkan bahawa paras hutang Malaysia kekal terkawal dan mampan dalam jangka masa sederhana. Hasil penilaian tersebut juga menunjukkan keupayaan Malaysia untuk membiayai keperluan RMK13 tanpa menjejaskan paras hutang kepada KDNK seterusnya memastikan inisiatif pembangunan utama dapat dilaksanakan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan. Kerajaan juga akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal yang berani dalam usaha meningkatkan ruang fiskal serta memperkemas pengurusan hutang dan strategi pinjaman demi mengekalkan kemampuan hutang dalam jangka masa panjang.

### Rujukan

International Monetary Fund. (2025, Mac 3). *Article IV Consultation—Press Release; and Staff Report* [Press Release]. <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2025/03/03/Malaysia-2025-Article-IV-Consultation-Press-Release-and-Staff-Report-562916>

Kementerian Kewangan Malaysia. (2023). *Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024: - Analisis Kemampuan Hutang Malaysia 2023*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/hasil/seksyen4.pdf>

## Tinjauan 2026

Kerajaan kekal komited dalam memastikan kemampunan fiskal di samping mengutamakan pembangunan negara di bawah RMK13 seiring dengan peralihan Malaysia ke arah struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan dan terangkum. Pada 2026, strategi pembiayaan dan pengurusan hutang akan terus menekankan pengoptimuman profil hutang, pengukuhan amalan pengurusan risiko serta kepelbagaian sumber pembiayaan bagi memastikan akses kepada pembiayaan yang stabil dan keberkesanan kos.

Strategi pembiayaan akan terus mengutamakan keseimbangan berhemat antara pinjaman domestik dengan luar pesisir dan memberikan keutamaan kepada instrumen dalam denominasi ringgit bagi mengurangkan pendedahan risiko pertukaran asing. Pada masa yang sama, pinjaman luar pesisir akan diterokai secara teliti melalui instrumen inovatif bagi meluaskan asas pelabur dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam kewangan Islam.

Kerajaan akan terus terlibat secara aktif bersama institusi multilateral, agensi penarafan kredit dan pelabur antarabangsa untuk mengukuhkan keyakinan pasaran dan mengekalkan kedudukan kredit Malaysia. Pada masa yang sama, usaha akan dipergiat untuk memperdalam pasaran modal domestik serta meluaskan dan mengembangkan penyertaan pelabur institusi yang dilihat penting untuk membina daya tahan dan membiayai keperluan infrastruktur jangka masa panjang.

Prospek 2026 mencerminkan pendekatan seimbang yang teliti dengan mengutamakan sokongan fiskal serta pinjaman berhemat. Kemampunan hutang akan dipacu oleh


pelaksanaan berterusan pembaharuan fiskal, pengurangan defisit secara beransur-ansur dan peningkatan kebertanggungjawaban dalam pengurusan hutang. Strategi ini dirangka bagi mengekalkan prinsip kesaksamaan antara generasi untuk memastikan generasi akan datang tidak dibebani oleh keputusan kewangan pada masa kini. Justeru, Malaysia bermatlamat untuk mengekalkan tahap kemampuan dan kemampunan hutang awam selaras dengan objektif pembangunan jangka masa panjang negara.

## Kesimpulan


Rangka kerja fiskal yang kukuh dan mampan kekal penting seiring dengan pelaksanaan RMK13 bagi memangkin pembangunan negara dan melindungi kebajikan rakyat. Pengukuhan tadbir urus fiskal yang ditunjangi oleh Akta 850 menzahirkan komitmen Kerajaan terhadap disiplin fiskal, ketelusan dan reformasi struktur. Selain itu, pengurusan hutang berhemat dan pinjaman strategik membolehkan Kerajaan memenuhi keperluan pembiayaan di samping mengurangkan risiko fiskal dan pasaran. Langkah tersebut menyediakan ruang untuk mendapatkan kos pinjaman yang kompetitif, memanjangkan profil kematangan dan meningkatkan kemampunan hutang jangka panjang.

Malaysia akan terus memperkukuh pengurusan hutang selari dengan amalan terbaik global. Usaha tersebut penting untuk mengekalkan trajektori hutang yang stabil, memastikan kemampunan fiskal dan mengekalkan kestabilan makroekonomi. Langkah tersebut membolehkan Kerajaan menyalurkan sumber negara ke arah pertumbuhan terangkum dan kemakmuran jangka masa panjang berpandukan agenda pembangunan RMK13.


**RAJAH 4.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang**




**RAJAH 4.2. Nisbah BTC Terbitan MGS dan MGII**




**RAJAH 4.3. Keluk Kadar Hasil Penanda Aras MGS**



**RAJAH 4.4. Kadar Hasil Indikatif MGS**




**RAJAH 4.5. Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan**




<sup>1</sup> Akhir Ogos 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


**RAJAH 4.6. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang**




**RAJAH 4.7. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin**




**RAJAH 4.8. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Baki Tempoh Matang**



**RAJAH 4.9. Bayaran Khidmat Hutang**



**RAJAH 4.10. Profil Kematangan Hutang**



<sup>1</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti

### **75 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **75 PENDEDAHAN HUTANG DAN LIABILITI**

---

### **76 JAMINAN KEWANGAN**

Rencana - Mengurus Risiko: Pengenalan Kepada Skim Jaminan Awam

---

### **85 KOMITMEN JAMINAN**

---

### **86 LIABILITI LAIN**

---

### **86 MITIGASI RISIKO KE ATAS PENDEDAHAN LIABILITI**

---

### **87 KESIMPULAN**

---



## SEKSYEN 5

# Risiko Fiskal dan Liabiliti

## Perspektif Keseluruhan

Perkembangan global pada ketika ini memerlukan pengurusan risiko fiskal yang lebih proaktif. Ketegangan geopolitik yang memuncak serta pemecahan perdagangan global disebabkan oleh tindakan perlindungan memberikan kesan terhadap rantai bekalan dan dinamik perdagangan. Ketidaktentuan tersebut berserta harga komoditi yang menyederhana, turun naik pasaran kewangan dan kejutan berkaitan iklim berkemungkinan memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan Malaysia dan memperlahankan momentum konsolidasi fiskal.

Pada peringkat domestik, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 - 2030 (RMK13) memberi penekanan untuk mempergiat pembangunan infrastruktur, meningkatkan sokongan kepada isi rumah yang mudah terjejas serta mempercepat usaha peralihan tenaga. Pelaksanaan RMK13 memerlukan sumber peruntukan yang besar antara lain melalui peruntukan langsung belanjawan, instrumen kuasi-fiskal dan inisiatif awam swasta. Justeru, Kerajaan perlu mengurus dan mengurangkan pendedahan risiko secara berhemat bagi meminimumkan kemungkinan penzahiran liabiliti luar jangka kepada kos fiskal langsung. Sementara itu, keperluan untuk menambah baik ketelusan dan akauntabiliti memerlukan perancangan dan kerangka tatakelola yang menyeluruh bagi penggunaan instrumen kuasi-fiskal dan pengurusan entiti milik kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] menyediakan rangka kerja pengurusan risiko fiskal ditambah baik meliputi dasar yang jelas,

struktur tadbir urus menyeluruh dan keperluan pelaporan yang lebih komprehensif. Tambahan pula, kelulusan Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 serta cadangan penggubalan beberapa undang-undang baharu berkaitan kerjasama awam swasta dan entiti milik Kerajaan akan melengkap asas yang ditetapkan dalam Akta 850. Melangkah ke hadapan, pengurusan hutang dan liabiliti secara berhemat merupakan langkah penting dalam memastikan ketersediaan ruang fiskal, meningkatkan daya tahan daripada kejutan luar serta mengekalkan keyakinan pelabur bagi menyokong kemampuan dan keterangkuman agenda pembangunan negara.

## Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Hutang dan liabiliti Kerajaan terdiri daripada Hutang Kerajaan Persekutuan, komitmen jaminan, obligasi kewangan daripada projek kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Sehingga akhir Jun 2025, pendedahan hutang dan liabiliti berjumlah RM1,694.6 bilion atau 84.1% daripada KDNK. Pelaporan secara komprehensif yang dilaksanakan sejak 2018 bertepatan dengan tanggungjawab Kerajaan untuk mempertingkatkan ketelusan dan ketelitian pelaporan fiskal. Langkah ini selaras dengan piawaian dan pengiktirafan antarabangsa di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan rangka kerja Public Sector Debt Statistics oleh IMF. Pada masa ini, pelaporan menyeluruh hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang diperkemas berdasarkan peruntukan di bawah Akta 850 membolehkan liabiliti diuruskan secara berkesan dan bertanggungjawab.

**JADUAL 5.1.** Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2025

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>
Hutang Kerajaan Persekutuan	1,247,614	1,304,176	64.6	64.7
Komitmen jaminan	236,229	237,084	12.2	11.8
Liabiliti lain	148,584	153,383	7.7	7.6
<b>Jumlah</b>	<b>1,632,427</b>	<b>1,694,643</b>	<b>84.5</b>	<b>84.1</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Jaminan Kewangan

Pembangunan ekonomi dan infrastruktur di Malaysia secara asasnya dibiayai melalui pelaburan awam dengan penglibatan aktif oleh sektor swasta. Infrastruktur asas seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kebajikan sosial dibiayai melalui peruntukan fiskal langsung manakala instrumen kuasi-fiskal digunakan bagi pelaburan khusus dalam projek dan program infrastruktur strategik. Strategi ini membantu mengurangkan beban fiskal, merencanakan perkembangan ekonomi, menggalakkan pertumbuhan sektoral serta memastikan keperluan rakyat dipenuhi. Jaminan Kewangan merupakan antara instrumen kuasi-fiskal yang digunakan bagi membiayai projek infrastruktur strategik tertentu dan program pinjaman bersasar.

Berdasarkan kerangka perundangan sedia ada, Jaminan Kewangan ditadbir di bawah empat Akta iaitu Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Akta Jaminan Pinjaman 1963 [Akta 412] dan Akta Jaminan Pinjaman 1972 [Akta 66]. Susulan daripada pengenalan Akta 850, skop dan pelaporan Jaminan Kewangan telah diseragamkan merangkumi semua instrumen jaminan di

bawah empat akta sedia ada. Sehingga akhir Jun 2025, Jaminan Kewangan yang berjumlah RM424.7 bilion atau 21.1% daripada KDNK kekal di bawah had 25% seperti diperuntukkan di bawah Jadual Pertama kepada Akta 850.

**JADUAL 5.2.** Jaminan Kewangan, 2024 – 2025

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>1</sup>	2024	2025 <sup>1</sup>
Jaminan di bawah Akta 96	332,819	336,078	17.2	16.7
Jaminan di bawah Akta 61	83,990	88,633	4.4	4.4
Ikatan dan Sokongan	30,675	31,151	1.6	1.5
Skim Jaminan	53,315	57,482	2.8	2.9
<b>Jumlah</b>	<b>416,809</b>	<b>424,711</b>	<b>21.6</b>	<b>21.1</b>

<sup>1</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

### Jaminan di bawah Akta 96

Jaminan di bawah Akta 96 merupakan sebahagian daripada Jaminan Kewangan yang diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun untuk membiayai projek infrastruktur, melaksanakan program pinjaman bersasar atau melabur dalam pelaburan strategik. Walaupun projek seperti pengangkutan awam, pendidikan dan bekalan air berpotensi memberi pulangan ekonomi dalam jangka masa panjang, namun projek tersebut berkemungkinan tidak berdaya maju secara komersial tanpa sokongan Kerajaan disebabkan oleh dasar tertentu, kos modal yang tinggi serta tempoh pelaksanaan yang panjang. Pendekatan ini dapat mengurangkan kos pembiayaan dengan ketara di samping memastikan sumber dimanfaatkan secara optimum bagi kelangsungan pembangunan negara. Sehingga akhir Jun 2025, jaminan di bawah Akta 96 meningkat secara marginal sebanyak 1% kepada RM336.1 bilion atau

**JADUAL 5.3.** *Penerima Utama Jaminan di bawah Akta 96, 2024 – 2025*

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2024	2025 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>2</sup>	2024	2025 <sup>2</sup>
DanaInfra Nasional Berhad	85,100	87,000	25.6	25.9	4.4	4.3
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	48,600	53,650	14.6	16.0	2.5	2.7
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. <sup>1</sup>	50,303	52,373	15.1	15.6	2.6	2.6
Prasarana Malaysia Berhad	41,955	42,155	12.6	12.5	2.2	2.1
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	41,450	39,950	12.5	11.9	2.1	2.0
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.3	3.3	0.6	0.6
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	6,928	6,513	2.1	1.9	0.4	0.3
Pengurusan Air SPV Berhad	6,450	6,050	1.9	1.8	0.3	0.3
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. <sup>1</sup>	5,422	5,005	1.6	1.5	0.3	0.2
1Malaysia Development Berhad	5,000	5,000	1.5	1.5	0.3	0.2
<b>Jumlah 10 penerima utama</b>	<b>302,208</b>	<b>308,696</b>	<b>90.8</b>	<b>91.9</b>	<b>15.7</b>	<b>15.3</b>
Penerima lain	30,611	27,382	9.2	8.1	1.5	1.4
<b>Jumlah jaminan</b>	<b>332,819</b>	<b>336,078</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>17.2</b>	<b>16.7</b>

<sup>1</sup> Tertakluk kepada kadar tukaran asing

<sup>2</sup> Akhir Jun 2025

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

16.7% daripada KDNK susulan pengurusan jaminan berhemat melalui pemilihan projek secara teliti dan penyaluran hanya terhad kepada projek dan program sedia ada.

Berdasarkan pecahan segmen, projek infrastruktur kekal sebagai penerima terbesar mewakili 59.6% daripada jumlah jaminan terkumpul dengan sebahagian besar adalah untuk membiayai projek pengangkutan awam seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), lebuhraya serta pinjaman perumahan. Sektor perkhidmatan merupakan segmen kedua terbesar mewakili 29.4% daripada jumlah jaminan merangkumi pinjaman pendidikan tinggi serta skim pembiayaan perumahan penjawat awam diikuti oleh utiliti (4.4%), pegangan pelaburan (3.7%), perladangan (1.9%) dan kewangan (1%). Sebanyak 10 penerima utama mewakili lebih 91.9% daripada jaminan di bawah Akta 96 manakala 88.5% daripada jaminan terkumpul adalah dalam denominasi ringgit sekali gus

dapat mengurangkan pendedahan Kerajaan terhadap risiko tukaran asing. Purata tempoh matang berwajaran bagi pembiayaan jaminan di bawah Akta 96 adalah 10.7 tahun dengan lebih separuh (53.5%) daripada jaminan bertempoh matang melebihi 10 tahun.

#### *Jaminan di bawah Akta 61*

Jaminan di bawah Akta 61 merupakan komponen Jaminan Kewangan yang merangkumi surat ikatan dan sokongan serta skim jaminan awam. Surat ikatan dan sokongan diberikan khusus bagi memenuhi objektif tertentu seperti pelaburan strategik dan penstrukturan korporat. Sehingga akhir Jun 2025, jumlah pendedahan Kerajaan daripada surat ikatan dan sokongan berjumlah RM31.1 bilion atau 1.5% daripada KDNK dengan Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. mewakili peratusan tertinggi sebanyak 78.1%. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan lebih berhemat dalam pemberian instrumen jaminan ini sebagai langkah strategik mengawal risiko fiskal.

## RENCANA

## Mengurus Risiko: Pengenalan Kepada Skim Jaminan Awam

### Pengenalan

Skim jaminan awam atau skim jaminan standard di sesetengah autoriti merupakan komitmen daripada kerajaan untuk menanggung sebahagian atau keseluruhan obligasi kewangan peminjam sekiranya berlaku kemungkiran. Secara umum, skim jaminan awam berperanan sebagai instrumen mitigasi risiko sekunder kepada peminjam dengan objektif untuk memudah cara akses kepada kredit. Ciri utama skim ini lazimnya melibatkan pemberian jaminan kepada sejumlah besar penerima dengan terma dan syarat yang seragam. Skim ini turut menggabungkan elemen berteraskan pasaran bagi penyediaan pinjaman dan subsidi tidak langsung kerajaan. Kaedah tersebut merupakan liabiliti luar jangka kerajaan yang tidak memerlukan aliran tunai segera tetapi mungkin menyebabkan penzahiran kos fiskal sekiranya peminjam di bawah skim ini gagal memenuhi obligasi kewangan.

Selaras dengan perkembangan skop skim jaminan awam, terdapat keperluan untuk menggubal dasar berhemat dan mekanisme yang efektif. Pengurusan risiko secara berterusan penting untuk melindungi sumber awam di samping memaksimumkan keberhasilan. Skim jaminan awam mampu memberikan nilai tambah dalam jangka masa panjang tanpa menjejaskan kemampuan fiskal sekiranya digubal dengan struktur dasar dan kerangka institusi yang kukuh. Justeru, rencana ini menerangkan secara ringkas mengenai skim jaminan awam di Malaysia dan merupakan kesinambungan siri “Mengurus Risiko” yang pernah diterbitkan dalam laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025.

### Landskap Pelaksanaan Skim Jaminan Awam di Malaysia

Skim jaminan awam di Malaysia merupakan instrumen pembiayaan strategik dalam pengurusan fiskal bagi mencapai objektif makroekonomi. Selain menjadi penampan kepada kejutan ekonomi, skim jaminan berperanan dalam merapatkan jurang pembiayaan berstruktur, menggalakkan inovasi perniagaan serta meningkatkan keterangkuman kewangan bagi segmen ekonomi yang kurang mendapat capaian pembiayaan. Skim jaminan awam diterajui oleh institusi awam seperti syarikat berkaitan kerajaan atau subsidiari serta dipantau oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Pada masa ini, terdapat tiga entiti yang menguruskan skim jaminan iaitu Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

**RAJAH 1.** Entiti yang Menguruskan Skim Jaminan Awam di Malaysia

 <p><b>SYARIKAT JAMINAN KREDIT PERUMAHAN BERHAD (SJKP)</b></p>	 <p><b>SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD (SJPP)</b></p>	 <p><b>CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (CGC)</b></p>
<p>Syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] menyediakan jaminan pembiayaan perumahan khususnya kepada peminjam berkelayakan yang tidak mempunyai dokumen pendapatan tetap bagi meningkatkan akses kepada pemilikan rumah.</p>	<p>Syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] yang mengkhusus dalam pengurusan skim jaminan bagi PKS dan sektor strategik terutamanya untuk memudah cara pembiayaan modal kerja.</p>	<p>Syarikat dimiliki bersama Bank Negara Malaysia dengan beberapa institusi kewangan bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS dan inisiatif secara spesifik.</p>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Secara keseluruhan, entiti tersebut menjadi tunjang utama ekosistem jaminan awam bagi menyediakan sokongan fiskal terutamanya kepada sektor dan segmen yang menjana kesan pengganda kepada ekonomi. Pendekatan bersasar ini selari dengan agenda pembangunan Kerajaan yang diperkukuh melalui pemantauan dan akauntabiliti secara berkesan. Sehingga akhir 2024, skim jaminan awam telah menyediakan pinjaman berjumlah RM73 bilion yang memanfaatkan lebih 163,000 peminjam dalam kalangan PKS dan isi rumah.

**RAJAH 2. Ciri-Ciri Utama Skim Jaminan Awam di Malaysia**

ENTITI	SYARIKAT JAMINAN KREDIT PERUMAHAN BERHAD (SJKP)	SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD (SJPP)	CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (CGC)	
<b>Program Utama</b>	Skim jaminan pembiayaan perumahan dengan had pembiayaan berjumlah RM19 bilion dan pembiayaan maksimum kepada individu sebanyak RM500,000. <ul style="list-style-type: none"> <li>• SJKP Belanjawan 2022</li> <li>• SJKP Belanjawan 2023</li> <li>• SJKP Belanjawan 2024</li> <li>• SJKP MADANI</li> </ul>	10 skim jaminan dengan had pembiayaan berjumlah RM86.4 bilion bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS. Program utama termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Skim Jaminan Modal Kerja <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat pemula</li> <li>• Bumiputera</li> <li>• Export</li> <li>• Wanita</li> </ul> </li> <li>• Pembiayaan Automasi dan Digital</li> </ul>	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) <ul style="list-style-type: none"> <li>• GTFS</li> <li>• GTFS 2.0</li> <li>• GTFS 4.0</li> <li>• GTFS 5.0 (bermula Ogos 2025)</li> </ul>	Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) – (telah berakhir)
<b>Objektif Utama</b>	Membantu individu yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau berpendapatan rendah mendapatkan pembiayaan bagi pembelian rumah pertama.	Membantu PKS mendapatkan pembiayaan melalui penyediaan skim jaminan bantuan kerajaan kepada institusi kewangan terlibat.	Menyokong pelaburan dalam teknologi hijau melalui penyediaan jaminan kerajaan bagi pembiayaan hijau serta rebat ke atas kadar faedah/keuntungan.	Membantu syarikat menggunakan hak ke atas harta intelek sebagai cagaran bagi mendapatkan pembiayaan seterusnya meningkatkan pelaburan yang mempunyai keupayaan berteknologi tinggi.
<b>Liputan Jaminan</b>	Jaminan sehingga 120% ke atas prinsipal pembiayaan perumahan	Jaminan sehingga 80%	Jaminan sehingga 80% berdasarkan fasa skim	Jaminan sehingga 50% daripada jumlah pembiayaan
<b>Bilangan Institusi Kewangan terlibat</b>	15	34	29	Hanya Malaysia Debt Ventures
<b>Jumlah Penerima</b>	85,505 isi rumah	77,529 PKS	342 syarikat	12 syarikat
<b>Fi Jaminan</b>	0.25% – 0.5% setahun	0.5% – 1% setahun	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

## Penanda Aras Global bagi Amalan Terbaik

